

POLITIK PERINGKAT TEMPATAN
SATU KAJIAN KES DI KAMPUNG PASIR BARU
PETALING, KUALA LUMPUR

LIBRARY
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Oleh

MOHD. RAMLI YAACOB
NO. MATRIK: 047487

LATIHAN ILMIAH BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK IJAZAH
SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
SESI 1987/88

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim.

Alhamdulillah syukur kepada Allah yang Maha Kuasa kerana dengan Khudrat dan hidayatnya saya dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam usaha mereka membantu saya untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Ucapan setinggi terima kasih dihulurkan kepada penyelia saya, Profesor Nadya Dr. Azizah bt. Kassim yang telah banyak bersusah payah membantu, memberi petunjuk, nasihat dan membaiki segala kelemahan serta kesulitan yang saya hadapi sepanjang saya menjalankan kajian dan penulisan ini. Semuanya ini sekaligus telah memberi perangsang, semangat diri dan ilmu yang berguna kepada diri penulis.

Dan akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pergerakan Wanita UMNO Cawangan, (Puan Rosnani Yusof), Encik Shamsul Bahri Ketua UMNO Cawangan, Setiausaha UMNO Cawangan kerana telah banyak memberikan kerjasama dan maklumat yang diperluukan.

Semoga dengan kerjasama dan ketulusan budi mereka ini akan mendapat taufik dan hidayah dari Allah Subhanallahuwataala di dunia dan diakhirat.

Wassallam

Mohd. Ramli Yaacob
Pasir Mas,
Kelantan.

Februari 1988

SINOPSIS

Kajian ini merupakan suatu kajian kes yang dirujukkan khas daripada Kampong Pasir Baru. Tujuan utama kajian ini ialah untuk meninjau penglibatan politik penghuni di peringkat tempatan seperti penyertaan dan penglibatan politik masyarakat ini serta kepimpinan parti politik yang dominan di kawasan ini.

Pada keseluruhannya penulisan ini mengandungi 5 bab kesemuanya di mana bab pertama penulis menghuraikan aspek-aspek kajian ini yang berkaitan dengan tujuan dan bidang kajian, method-method yang digunakan dalam kajian serta kesulitan yang dihadapi semasa kajian dijalankan. Bab ini juga mengandungi teori konsep-konsep yang berhubung dengan penglibatan politik seperti konsep penyertaan politik dan konsep kepimpinan. Konsep seperti ini adalah penting kerana ia dapat membantu penulis dalam memahami topik yang dibincangkan.

Manakala bab dua pula, penulis menyentuh tentang latarbelakang masyarakat yang dikaji. Di sini beberapa perkara yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat seperti aktiviti ekonomi dan pekerjaan, pendidikan telah disentuh oleh penulis.

Dalam bab ketiga penulis telah menekankan kepada faktor-faktor yang memainkan peranan penting dalam penyertaan politik masyarakat. Di sini penulis cuba melihat sejauhmana faktor-faktor itu seperti faktor sosial, politik dan agama dapat mempengaruhi geraklaku dan penyertaan politik masyarakat yang dikaji. Penulis juga melihat bentuk-bentuk penyertaan politik yang ada seperti golongan yang aktif dan tidak aktif.

Bab keempat pula berkaitan dengan kepimpinan seperti kepimpinan pemimpin UMNO Cawangan, isu-isu yang diketengahkan. Perjuangan parti dan juga kegiatan parti terhadap masyarakat di kampong ini.

Akhirnya bab lima penulis cuba melihat sejauhmanakah sambutan masyarakat terhadap parti yang disokong apabila tuntutan mereka itu berjaya ataupun gagal, juga melihat perbandingan antara politik kampong di luar bandar dengan politik kampong dalam bandar. (terutamanya kawasan setinggan) dan apakah motif utama perjuangan parti politik di kawasan setinggan.

SENARAI KEPENDEKAN

UMNO	-	United Malays National Organization
MCA	-	Malaysia Chinese Association
MIC	-	Malaysia Indian Congres
PAS	-	Parti Islam SeTanah Melayu
SRP	-	Sijil Rendah Pelajaran
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

KANDUNGAN

						Muka surat
BAB I	:	PENDAHULUAN	1 - 20
		1.1	TUJUAN DAN SKOP KAJIAN	1 - 3
		1.2	METHOD KAJIAN	3 - 6
		1.3	KESULITAN KAJIAN	6 - 7
	A.	APA DIA POLITIK	8 - 13
		PARTI POLITIK				
	B.	KONSEP KEPIMPINAN	14 - 20
BAB II	:	LATARBELAKANG KAMPONG KAJIAN DAN MASYARAKAT YANG DIKAJI	21 - 42
	A.	LATARBELAKANG KAMPONG				
		1.	SEJARAH RINGKAS KAMPONG PASIR BARU	21 - 22
		2.	KEDUDUKAN KAWASAN KAMPONG PASIR BARU	22 - 23
		3.	PENEMPATAN DAN PENDUDUK	23 - 24
	B.	DEMOGRAFI				
		1.	UMUR RESPONDEN	25 - 26
		2.	MIGRASI	26 - 31
	C.	EKONOMI DAN PEKERJAAN	
		1.	TARAF SOSIO EKONOMI PENDUDUK	32 - 41
	D.	PERTUBUHAN DAN PERSATUAN	41 - 42
BAB III	:	PENYERTAAN POLITIK DIPERINGKAT TEMPATAN				
	A.	POLITIK DI KAMPONG PASIR BARU	44 - 48
	B.	JENIS PENYERTAAN DALAM POLITIK	48 - 54
	C.	FAKTOR PENDORONG PENYERTAAN POLITIK	54 - 62
		FAKTOR SOSIAL				55 - 59
		FAKTOR AGAMA				60 - 61
		FAKTOR POLITIK				61 - 62

D.	PILIHANRAYA 1986	62 - 64
BAB IV	:	KEPIMPINAN UMNO CAWANGAN KAMPONG PASIR BARU			
	A.	LATARBELAKANG PEMIMPIN UMNO CAWANGAN			
	1.	UMUR PEMIMPIN UMNO CAWANGAN	65 - 66
	2.	TARAF PENDIDIKAN	66 - 68
	3.	PEKERJAAN PEMIMPIN	68 - 70
	4.	PENDAPATAN PEMIMPIN	70 - 72
	B.	PERJUANGAN PARTI UMNO	72 - 79
		ISU-ISU YANG DITEMPAHKAN	73 - 76
		PERJUANGAN UMNO CAWANGAN	76 - 79
	C.	AKTIVITI UMNO CAWANGAN			
	1.	BIRO POLITIK	80
	2.	BIRO EKONOMI	81
	3.	BIRO BURUH	81 - 82
	4.	BIRO KEBAJIKAN	82
	5.	BIRO KESANIAN DAN KEBUDAYAAN	83
	6.	BIRO KEMUDAHAN ASAS	83 - 84
	7.	BIRO PEMBANGUNAN...	85
	8.	BIRO AGAMA	85 - 87
	9.	BIRO PELAJARAN	87 - 88
	10.	BIRO SUKAN	88 - 89
	11.	AKTIVITI AM	90 - 91
BAB V	:	PENUTUP	92 - 96
		RUJUKAN	97 - 99
		LAMPIRAN	100 -

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 TUJUAN DAN SKOP KAJIAN

Latihan Ilmiah ini merupakan satu kajian kes yang dirujukan khas kepada sebuah komuniti kampong iaitu Kampong Pasir Baru, Kuala Lumpur.

Tujuan utama kajian ini ialah untuk memperlihatkan kelakuan dan penyertaan politik masyarakat kampung tersebut. Ini adalah kerana politik merupakan suatu unsur yang unik dan memerlukan kajian yang mendalam untuk memahaminya. Suatu pengharapan yang amat besar daripada penulis ialah dengan adanya kajian seperti ini, sekurang-kurangnya dapat memberi gambaran tentang kelakuan penyertaan politik masyarakat kampong tersebut.

Secara umum boleh dikatakan kajian tentang politik "Peringkat bawah" kurang dilakukan samada oleh pengkaji tempatan atau pengkaji luar. Setakat ini terdapat beberapa kajian misalnya oleh Asfari Furi mengenai Penyertaan Politik Setinggan di Kampung Pandan (1975/76), Ainuddin Ridwan yang telah menyentuh sedikit sebanyak tentang politik setinggan (1973/74). Manakala bagi politik masyarakat luarbandar yang bukan setinggan pula seperti Tg. Adli Tg. Abdullah di Kampung Tendong (Kelantan 1980), Che Wan Taqwa di Kuala Nerus Terengganu (1981).

Yang banyak mendapat perhatian ialah kajian politik di peringkat makro seperti oleh J. Funston "Malay Politics in Malaysia (1980), K.J. Ratnam mengenai masalah perkauman dan perkembangan politik negara (1969), R.Roff "The Origins of The Malays Nationalism" (1967), J.M. Gullick "Sistem Politik Bumiputera" (1970) dan juga Cynthia Holden "Multi Ethnic Politics; The case of Malaysia" (1970). Kebanyakan kajian makro ini bercorak sejarah. Oleh kerana kekurangan kajian politik di peringkat mikro ini maka dengan siapnya kajian ini, diharap dapat mengatasi kekurangan tersebut.

Di antara tujuan kajian ialah;

- (i) Untuk melihat sejauhmanakah penyertaan masyarakat Melayu (kampong) dalam bidang politik.
- (ii) Untuk meneliti kelakuan politik mereka, mengapa mereka melibatkan diri, tidak melibatkan diri; kenapa ada golongan yang lebih sukar berpihak kepada parti pemerintah; mengapa ada yang cenderung untuk memihak kepada parti pembangkang. Jadi berdasarkan kajian ini penulis akan cuba menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhinya.
- (iii) Melihat sejauhmanakah penglibatan mereka dalam hal-hal yang berkaitan dengan politik seperti ceramah, parti politik, pembuangan undi dan sebagainya. Apakah mereka memahami soal-soal yang bersangkutan dan sejauhmana pula

mereka dapat mempengaruhi keadaan politik ini melalui penyertaan politik mereka.

- (iv) Untuk meninjau kesan pembangunan terhadap masyarakat tersebut. Ini melibatkan rancangan-rancangan pembangunan bagi kampong tersebut terutama dalam meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Semua hal tersebut adalah amat penting kerana kajian ini dapat menerangkan kedudukan politik masyarakat Melayu kampong. Dengan penyertaan politik mereka inilah telah menyebabkan kerajaan di bawah pimpinan UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) dapat ditegakkan pada masa kini. Irii adalah kerana sebahagian besar daripada pengundi adalah terdiri daripada masyarakat Melayu kampong.

1.2 METHOD KAJIAN

Kajian ini merupakan suatu kajian kes yang dilakukan ke atas sebuah kampong di mana sebahagian besar penghuninya adalah setinggan dan sebahagian lagi penghuni tanah berlot. Responden dipilih secara rambang seramai 50 orang penghuni kampong ini dan juga seramai 15 orang pemimpin UMNO Kampong Pasir Baru ini. Dalam usaha pengumpulan data-data bagi kegunaan kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa teknik kajian seperti yang digunakan oleh ahli antropologi dan sosiologi yang lain.

Method yang telah digunakan adalah seperti berikut:

- (a) Soal selidik (Schedule questionnaire)
- (b) Temuduga
- (c) Penyertaan dan pemerhatian
- (d) Penyelidikan perpustakaan

(a) Soal Selidik

Soal selidik ialah daftar yang mengandungi beberapa soalan yang berkaitan dengan latarbelakang responden dan juga soalan-soalan lain yang menyentuh sesuatu perkara yang hendak dikaji oleh penulis. Penulis telah menyediakan beberapa soalan yang berkaitan dengan latarbelakang, ekonomi, taraf pendidikan, media massa maupun politik. Di sini penulis mengadakan wawancara atau interview melalui borang soal selidik tersebut. Di antara soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh penulis ialah mengenai penyertaan mereka dalam organisasi politik atau lain-lain bentuk pertubuhan, sikap mereka terhadap politik, kepimpinan parti dan akhirnya menyentuh tentang kesedaran mereka terhadap politik yang melibat tokoh-tokoh dan pertumbuhan parti-parti politik.

Ini semua semata-mata bertujuan untuk mendapatkan maklumat serta pendapat responden sendiri. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berbentuk Structured dan Close ended.

(b) Temuduga

Temuduga telah dilakukan secara formal dan tidak formal. Misalnya secara formal, penulis telah menemuduga beberapa orang yang dianggap penting dan dapat memberi gambaran sedikit sebanyak tentang kegiatan masyarakat dalam politik. Ini termasuklah ketua kawasan tersebut iaitu ketua UMNO cawangan dan juga beberapa orang yang telah banyak memainkan peranan penting dalam politik kampung tersebut.

Tujuan temuduga ialah untuk mengetahui lebih lanjut tentang pandangan mereka terhadap politik serta sebarang masalah yang wujud dalam menyalurkan kesedaran politik di kalangan mereka. Cara ini juga adalah bertujuan untuk menampung kelemahan method kajian yang lain.

(c) Penyertaan Pemerhatian

Sepanjang kajian yang telah dilakukan ini penulis telah melibatkan diri bersama dengan masyarakat yang dikaji ini. Penulis telah tinggal di kawasan ini sepanjang kajian yang dilakukan iaitu selama 3 bulan dan selepas itu berulang-alik dari kampus Universiti ke kampong tersebut untuk mendapatkan maklumat seterusnya. Di sini penulis telah mendapat gambaran yang agak jelas tentang apa juar peristiwa yang melibatkan politik berlaku di sini, begitu juga dengan keadaan kehidupan yang sebenarnya masyarakat di kampong ini. Jadi tidaklah menjadi masalah yang besar bagi pengkaji untuk bergaul dan beramah mesra dengan masyarakat yang dikaji

ini. Metode ini juga telah banyak membantu pengkaji dalam usaha penulis untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

(d) Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan perpustakaan ini telah dilakukan terutamanya di peringkat awal kajian di mana kebanyakan konsep dan perkara yang berkaitan dengan topik yang dikaji. Ini adalah bertujuan untuk menambahkan lagi pengetahuan penulis untuk memperlengkapkan lagi penghuraian topik yang dikaji itu.

1.3 KESULITAN KAJIAN

Tesis ini adalah suatu usaha kali yang pertama bagi penulis dalam menyediakan satu latihan ilmiah. Lantaran itu teknik penulisan adalah merupakan masalah pertama yang dihadapi oleh penulis.

Kesulitan yang terbesar yang dihadapi oleh penulis ialah untuk mendapatkan suatu jawapan yang tepat dan jelas tentang soalan-soalan yang dikemukakan. Ini semua kerana kadang-kadang mereka ini merasa amat curiga mengenai tujuan sebenar kajian diadakan.

Usaha-usaha untuk menemuduga responden setinggan juga telah menjadi suatu masalah kepada penulis. Ini kerana ada yang enggan di-temuduga. Mereka ini menaruh perasaan curiga dan tidak mahu bekerjasama

untuk memberi maklumat pada penulis.

Bagi yang bekerjasama memberi maklumat kepada penulis pula, terdapat juga masalah di mana setengah jawapan yang diberikan adalah tidak begitu tepat. Ini timbul kerana beberapa persoalan seperti yang berkaitan dengan perbelanjaan dan pendapatan tidak dapat direkodkan dengan tepat. Walaupun begitu pengkaji telah cuba untuk mendapatkan angka yang agak tepat dengan sama-sama mengira pendapatan mereka dari sumber yang disebutkan.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh penulis ialah terdapat beberapa orang lain bersama-sama responden tersebut. Keadaan ini telah mengganggu penumpuan responden serta kelancaran beliau menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Untuk mengelakan gangguan tersebut penulis terpaksa berhenti buat sementara dan memberitahu orang tersebut supaya memberi peluang kepada responden itu untuk memberi jawapannya yang tersendiri.

Penulis juga telah menghadapi kesukaran untuk mendapatkan fail-fail kegiatan UMNO cawangan ini secara terperinci kerana maklumat tersebut telah musnah akibat banjir besar yang melanda kampong ini pada tahun-tahun 1980-an. Jadi yang ada hanyalah maklumat yang tidak mendalam bagi menulis perjuangan UMNO cawangan ini.

BIDANG TEORI DAN KONSEP

A. APA DIA POLITIK

(1) PARTI POLITIK

Terdapat parti politik dalam negara demokrasi, di mana rakyat memainkan peranan penting dalam menentukan pembentukan sesebuah kerajaan yang memerintah. Parti politik muncul apabila terdapat usaha-usaha dari-pada rakyat untuk turut menyertai sistem tadbiran di satu-satu negara. Biasanya keujudan parti politik adalah semata-mata didorong oleh ke-hendak sesuatu kaum atau kumpulan tertentu untuk mendapat hak serta men-jaga kepentingan mereka. Sebagai contohnya apa yang berlaku dalam krisis-krisis yang membabitkan kaum-kaum tertentu dalam bidang ekonomi, sosial atau pun politik. Di Malaysia, keujudan parti UMNO, MIC, MCA adalah semata-mata untuk memperjuangkan hak dan kepentingan kaum masing-masing.

Sigmund Newmann telah mendefinisikan parti politik sebagai;

"...organisasi dari aktiviti politik yang berusaha untuk menguasai kekuasaan pemerintahan serta merebut dukungan rakyat atas dasar persaingan dengan satu golongan atau golongan yang lain yang mempunyai pandangan yang berbeza."¹

¹ Dipetik dari buku Mirian Budiardjo, Pokok-pokok Ilmu politik, Jakarta: Dian Rakjat, 1972.

Manakala Jacobson dan Lipmen pula;

"...an organised association of voters which seeks to control the personnel and policies of a government..."²

Berdasarkan pandangan tokoh-tokoh tersebut dapatlah dikatakan bahawa kemunculah parti politik adalah ekoran daripada desakan masyarakat manusia betapa perlunya sesebuah kekuasaan itu dibentuk. Kuasa dalam demokrasi adalah melalui suatu pilihanraya. Oleh itu jelaslah bahawa parti politik boleh dianggap sebagai suatu organisasi politik yang mempunyai motif utama untuk mendapat kuasa melalui cara-cara tertentu ialah pilihanraya.

Konsep Ideologi Politik

Ideologi adalah suatu pegangan falsafah politik yang diperjuangkan oleh sesebuah parti politik. Ideologi juga diertikan sebagai sejumlah nilai untuk memberi arah dan jalan bagi sesebuah parti politik atau sesebuah negara. Ideologi dianggap sebagai tulang belakang atau tempat tertubuhnya sesebuah parti politik kerana tanpa ideologi, kedudukan sesebuah parti itu akan tergugat dan musnah bila terdapatnya sesuatu konflik dari dalam. Justeru itu ideologi dikatakan suatu idea,

² Jacobson and Lipmen, Political Science, New York: Barnes & Noble, Inc. 1955. Hal 90.

cita-cita, teori, doktrin, nilai dan prinsip mengenai strategi dan taktik dalam kegiatan parti agar ianya tidak menyeleweng dari perjuangan asalnya. Ideologi juga adalah sebagai suatu faktor yang dapat menyatukan ahlinya dengan lebih rapat lagi demi untuk mencapai objektifnya. Lantaran itu ideologi telah dianggap sebagai idea yang berbentuk sistem tanggapan oleh konsep hidup berpolitik. Oleh itu dapatlah ditegaskan bahawa ideologi politik adalah merupakan pegangan asas. Satu-satu perjuangan politik yang dijadikan panduan segala aktiviti sesebuah parti.

Sesetuaah parti itu sepatut hendaklah mempunyai ideologi yang sesuai dengan kehendak masyarakat bagi menjamin pengekalannya.

Robert L. Card mengatakan bahawa ideologi sebagai;

"...a set of attitudes about political behaviour both on international domestic levels....Its deals with such question as who should rule, how rulers should be chosen, and by what principle they should govern."³

Jelas di sini bahawa ideologi merupakan asas perjuangan dan perlakuan politik. Ianya akan menentukan siapa yang akan memerintah, cara mana pemerintahan itu dan apakah dasar-dasar yang dipergunakan untuk memerintah.

³ Robert L. Card, Political Sciences: An Introduction (Appleton Century , Crofts New York, 1974) Hal 8.

Konsep Penyertaan Politik

Banyak pengertian-pengertian yang telah diutarakan oleh ahli sains sosial mengenai dengan konsep penyertaan politik. Michael Rush dan Phillip Althoff⁴ mengatakan;

"Political Participation is the involvement of the individual at various levels in the political system. Political activity may range from non-involvement to office-holding. Because political participation varies from one society to another, and because it varies from one society to another and because it varies within particular societies, it is important to examine the concepts of political apathy and alienation and their role in non-involvement and limited involvement. It is also important to stress that participation may also result in motivation for increased participation including the highest level—that of holding various types of office – which involves the process of political recruitment..."

Konsep penglibatan dan penyertaan politik itu dapat dikatakan sebagai turut serta dalam aktiviti dan pergerakan politik dalam berbagai peringkat sistem politik itu sendiri. Mengikut Samuel P Huntington;

"By political participation we mean activity by private citizens designed to influence government decision-making. Participation may be individual or collective, organised or spontaneous, sustained or sporadic, peaceful or violent, legal or illegal,

⁴ Michael Rush and Phillip Althoff, An Introduction to Political Sociology, Bristol, Nelsonis University, 1971. Hal 14.

effective or ineffective. Effective support for a substantial shift in economic or social polities is most likely to come from organized collective participation, which can assume a variety of forms."⁵

Penyertaan politik adalah suatu fenomena sosial yang muncul akibat kesedaran individu atau masyarakat untuk membentuk sebuah negara. Ianya menggambarkan penyertaan rakyat dalam aktiviti politik dalam sesebuah negara, namun begitu para pemimpin juga turut terlibat samada diperingkat kampung, negeri sehingga ke peringkat kebangsaan dalam sesebuah negara.

Penyertaan politik boleh dilihat melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh rakyat samada secara langsung atau tidak untuk mempengaruhi atau menentukan pemilihan pegawai-pegawai kerajaan. Walaupun begitu tujuan penyertaan politik juga adalah untuk mendapat sesuatu kepentingan ataupun faedah dari kerajaan yang memerintah;

"...the means by which the interests, desires and demands of the ordinary citizens are communicated..."⁶

⁵ Samuel P. Huntington, John Nelson, "Political Participation in Developing Countries", Harrard University Press, Cambridge, 1976. Hal 3.

⁶ Herbert Mc Closky, "Political Participation", dalam International Encyclopedia of Social Sciences, Cromwell, Collin and Mc Millan Inc., 1968. Hal 252.

Penyertaan politik juga adalah suatu fenomena sosial yang melihat penyertaan individu di dalam kegiatan politik secara sukarela dan mempunyai tujuan, yang sama untuk mempengaruhi dasar kerajaan.

Secara umumnya penyertaan politik dapat dibahagikan kepada 2 kategori iaitu penyertaan secara aktif dan juga secara pasif. Penyertaan aktif termasuklah menganggotai pertubuhan parti secara resmi melalui keahlian, mendaftarkan pengundi-pengundi dan ahli-ahli, berkempen dan bertanding untuk sesuatu jawatan dalam parti. Manakala penyertaan pasif ataupun tidak aktif pula termasuklah hanya menjadi pengundi biasa, mensikut perkembangan parti politik dan menyatakan sokongan sahaja tanpa bergiat dalam politik.

Dalam menganalisa konsep penyertaan politik, terdapat 4 aspek penting yang perlu disentuh.⁷

- (1) Apakah bentuk atau jenis penglibatan parti itu?
- (2) Sejauhmanakah penglibatan politik itu?
- (3) Siapa yang terlibat?
- (4) Mengapakah seseorang itu melibatkan diri dalam aktiviti politik?

⁷ Michael Rush and Phillip Althoff, op.cit. Hal 75.

B. KONSEP KEPIMPINAN

Dalam penggunaan seharian konsep kepimpinan (leadership) ini seringkali digunakan secara longgar kerana dalam kelompok manusia atau kumpulan terdapat pemimpin samada secara langsung atau tidak langsung. Ini semua kerana setiap kumpulan manusia walaupun di mana mereka berada dan berinteraksi maka akan ujudlah pemimpin dalam kelompok tersebut. Contohnya dalam keluarga asas, sibapa atau siibu secara langsung akan menjadi pemimpin dalam sesuatu keluarga. Begitu juga dalam sesbuah perkampungan di mana terdapatnya berbagai pemimpin yang mentadbir sebuah kampong itu. Contohnya ketua kampong ataupun perghulu kampong adalah pemimpin dalam politik, Imam adalah pemimpin dalam hal ehwal yang bersangkutan dengan ke agamaan dan juga pemimpin-pemimpin dari pertubuhan sosial.

Kalau dalam masyarakat Melayu khususnya di kampong-kampong, guru-guru sekolah bukan sahaja merupakan pemimpin di sekolah tetapi juga menjadi pemimpin dalam bidang sosial yang lain. Guru-guru diberi penghormatan yang lebih berbanding dengan ahli-ahli masyarakat yang lain. Ini adalah kerana golongan guru juga adalah salah satu daripada golongan intelek yang memainkan peranan yang penting sebagai orang perantaraan antara rakyat dengan pemerintah. Oleh itu mereka tersebut adalah amat penting demi untuk menggerakkan jentera pentadbiran kegiatan-kegiatan masyarakat orang ramai untuk mengajar sesuatu pembaharuan dan kemajuan.

Pemimpin dikatakan mempunyai kuasa, pengaruh dan otoriti. Kuasa dapat diertikan sebagai kebolehan seseorang untuk melakukan sesuatu atau-pun bertindak ke atas orang lain.⁸

Mengikut Beattie;

"in a very fundamental sense power is human power, and human power is the ability to produce intended effects, that is, to carry out one's will oneself, on other people, or things."⁹

Tetapi dengan kuasa saja tanpa otoriti adalah tidak mencukupi untuk menjadi seorang pemimpin.

Sebenarnya untuk memberi suatu definisi kepimpinan yang lengkap adalah suatu perkara yang agak sukar. Walau bagaimanapun dapat diperhatikan bahawa banyak pengertian yang telah diutarakan oleh sarjana-sarjana barat mengenai kepimpinan. Di antaranya ialah;

"Leadership denotes the occupancy of a status and the active performance of a role that mobilizes more or less organized collective and voluntary effort toward the attainment of shared goals and objectives."¹⁰

⁸ Basri bin Bajuri, Pola Kepimpinan Dalam UMNO di Kuala Langat, Selangor. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya 1973/74. Hal 40.

⁹ Beattie, John, Other Cultures, Routledge and Kegan Paul Ltd., Broadway House, Carter Lane 1967. Hal 141.

¹⁰ Kurt Lang, Leadership Dalam Julius Gondwan William L. Kolb (ed), A Dictionary of the Social Science, New York, The Free Press 1969, Hal 380

Pengertian di atas juga telah dikemukakan oleh Bernard dalam suatu rumusan yang umum. Iaitu kepimpinan ;

"refers to the quality of the behavior of individuals whereby they guide people or their activities in organised effort."¹¹

Fairchild pula;

"The act of organizing and directing the interest and activities on a group of persons, associated in some projects or enterprise, by a person who develops their co-operation, through securing and maintaining their more or less voluntary approval in their association."¹²

Pendapat Schmidt mengatakan bahawa;

"...the relation between an individual and a group built around some common interest and behaving in a manner directed on determined by him."¹³

¹¹ Lihat C.I. Bernard, Organization and Management Cambridge, Mass: Harrard University Press 1948. Hal 83.

¹² Fairchild, Henry Craft. (edt), "Dictionary of Sociology," New Jersey, Little Field Adams and Company 1970, Hal. 174.

¹³ Schmidt, Richard, "Leadership" dalam "Encyclopedia of Social Science," Vol 9, New York; Mc Millan 1933, Hal 282.

Gibb;

"...the exercise of power or influence in social collectives, such as groups, organizations, communities or nations. This power maybe address to any or all of three very general and related functions establishing the goals, proposes, or objectives of the collectivity, creating the structures through which the proposes of the collectivity is fulfilled, and maintaining or enhancing this structures."¹⁴

Penulis tempatan pula, misalnya Mohd. Salleh bin Lamry mengatakan bahawa kepimpinan hanya wujud dalam kontek kumpulan (kolektif) dan tidak dalam konteks tindakan perseorangan. Pimpinan adalah perlu untuk membolehkan individu-individu dalam kelompok tadi dipadukan dan tenaga mereka digunakan secara kolektif untuk selesaikan masalah bersama. Ciri-ciri penting yang ada pada seseorang pemimpin boleh dilihat dari 2 segi iaitu pertama dari segi kedudukan sosial dan ekonomi dan keduanya dari segi sifat-sifat peribadinya.¹⁵

Dari segi kedudukan sosial dan ekonomi ianya meliputi pelajaran, pendapatan, pekerjaan dan status manakala dari segi sifat-sifat peribadi ianya merangkumi keberanian, idea yang berasas, lebih menekankan kepentingan ramai, ketegasan, aktif, berupaya menyatupadukan orang lain untuk mencapai suatu matlamat dan tindakan.

¹⁴ Gibb, C.A., A.S. Tannenbaum, and Geligmen L.G.; "Leadership Psychological, Sociological and Political Aspects" dalam "International Encyclopedia of Social Sciences," Vol 9, New York, Mac Millan 1972. Hal 101.

¹⁵ Mohd. Salleh bin Lamry, Hubungan Penyertaan Politik Kepimpinan dan Peranan Organisasi. Politik Tempatan; Satu kajian kes terhadap UMNO Cawangan Setiawan, Perak. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia 1974/75 Hal 44 - 45.

Menurut pandangan umum, kepimpinan adalah suatu proses situasi dalam mana seseorang atau sejumlah orang kerana kemampuannya dapat menyelesaikan masalah kumpulan berkenaan hasil dari kelebihan fizik dan ilmunya, kemudian diikuti oleh orang lain. Dalam pengertian tersebut dapat dilihat adanya unsur-unsur kelebihan yang mencukupi 3 aspek dalam perjudian kepimpinan.

Pertama, kelebihan dalam penggunaan pemikiran yang rasional,
Kedua, kelebihan dalam kerohanian dan ketiga kelebihan dan badaniah.¹⁶

Maksud kelebihan dalam penggunaan pemikiran yang rasional ialah kelebihan dalam menerapkan pengetahuan untuk mencapai matlamat atau cita-cita organisasi yang dipimpin supaya terhasil dengan baik menurut rancangan dan kerjasama dari pengikut.

Seterusnya kelebihan dalam kerohanian ialah kelebihan dalam akhlak dan erti yang bersifat tanggungjawab pada tugas yang dibebankan pada pemimpin. Manakala kelebihan badaniah pula ialah kesihatan fizik dan kemampuan tenaga agar kepimpinan tersebut lebih bersifat dinamis dan berwibawa.

¹⁶ Majalah Administrasi Negara (Jakarta: Administrasi Negara 1968) Nomor Perkenalan. Hal 14.

Mengikut Hamdan Hj. Nordin, kepimpinan ujud akibat dan hasil daripada interaksi sosial samada untuk tujuan-tujuan bagi satu-satu kumpulan, organisasi dan juga masyarakat. Justeru itu terbentuknya kumpulan dan organisasi inilah maka lahirnya istilah "Pemimpin" dan "Pengikut" dalam apa juar peringkat masyarakat yang bergerak dan dinamik.¹⁷ Dari-pada itu akan wujudlah seorang pemimpin, yang akan melakukan tugas-tugas yang tertentu demi untuk memenuhi segala kehendak kumpulannya serta dengan pengikutnya. Jikalau seseorang pemimpin itu belot atau menyeleweng dari-pada tujuan murni kumpulan tersebut maka kebiasaannya ia akan diturunkan mengikut perlembagaan institusinya dan seterusnya tugas pemimpin itu akan bertukar tangan kepada orang lain pula.¹⁸

Oleh itu secara kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa seseorang itu dapat dianggap mempunyai ciri-ciri kepimpinan serta berupaya dan berkebolehan mempengaruhi kumpulannya melalui beberapa kriteria seperti berikut:-

- (i) Kekuasaan - Samada dalam politik, pertubuhan, persatuan, Kerajaan dan pengiktirafan kuasa yang sah atau "legitimate."

¹⁷ Hamdan Hj. Nordin, Kepimpinan Dalam Masyarakat Melayu Yang Berpendapatan Rendah di Pantai Halt, Wilayah Persekutuan. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya 1977/78. Hal 33.

¹⁸ David Koech and Richard S. Crutchfield; "Individual in Society," Kogakusha, McGraw Hill 1962. Hal 462.

- (ii) Melalui kebolehan seperti peribadi, kekayaan,
keturunan dan sifat charismatic yang diperolehinya.

Pemimpin juga hendaklah selalu memikirkan kebijakan pihak yang dipimpinnya, jujur, memiliki nilai-nilai mulia yang semestinya akan menjadi teladan kepada ahlinya. Nilai-nilai tadi akan menesap di kalangan ahli yang dipimpinnya. Pemimpin adalah sebagai tenaga penggerak selain mengeluarkan arahan, mengawal, menyuruh serta mengetuai kumpulan tersebut.

Sebagai kesimpulannya, apa yang selalu diinterpretasikan oleh UMNO ialah kepimpinan itu terdapat dalam berbagai bentuk. Kenyataan ini dapat diketengahkan dan pernah disuarakan oleh Max Weber, katanya;

"...The Concept is extremely broad and comprises any kind of independent leadership in action."¹⁹


¹⁹ Max Weber, "Politics is a Vocation" dalam Allesandro Pizzorno (ed) "Political Sociology", Middlesex: Penguin Books Ltd., 1970, Hal 27.




فرتوبهن كبغسائن ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
CAWANGAN KAMPUNG PASIR BARU, PETALING
(PENDAFTARAN 5582)

SEKIL : 1 INCI : 2 RANTAL
KAMPUNG PASIR BHARU
MUKIM PETALING
KUALA LUMPUR





PETA : TABURAN KAMPONG-KAMPONG STYLINGGAI

DI WILAYAH PERSEKUTUAN, 1988.

Sumber : DAERAH BAHARAYA KUALA LUMPUR.

KAWASAN KAJANG



PASURAN PENGUDUK SETI NGARAI

DI SULLAYAH FG. GEMBUDAN 1988.

SULTAN HAMID RAYA KUALA LUMPUR.

BAB II

LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN DAN MASYARAKAT YANG DI KAJI

A. LATARBELAKANG KAMPONG

1. SEJARAH RINGKAS KAMPONG PASIR BARU

Kampong Pasir Baru ini mula diterokai dalam tahun 1950-an di satu tapak tanah lombong. Sepanjang tahun tersebut, ramai orang Melayu telah bekerja sebagai buruh lombong di bawah Syarikat Kelang River Tin di kawasan itu. Oleh kerana kawasan tersebut telah mendatangkan jumlah pendapatan yang lumayan hasil dari perlombongan itu, maka mereka telah mula mendirikan petempatan. Petempatan ini telah didirikan secara haram dan lama kelamaan penghuninya telah menjadi semakin bertambah. Justeru itu beberapa tahun kemudiannya mereka secara beramai-ramai telah bersyuarat untuk menganjurkan suatu permohonan supaya tanah yang mereka terokai itu diberi hak milik kepada mereka oleh kerajaan.

Penduduk di kawasan ini kemudiannya telah menyuarakan masalah tersebut kepada DYMM Sultan Selangor, Almarhum Sultan Hishamudin Alam Shah semasa baginda bersembahyang Jumaat di Masjid Petaling, Jalan Puchong, Kuala Lumpur. Selepas itu permohonan telah dibuat melalui Pejabat Daerah Sungai Besi pada tahun 1959. Ekoran daripada permohonan itu, Sultan Hishamudin telah memperkenankannya untuk mereka mendirikan sebuah perkampungan dan kemudiannya akan dimajukan di dalam rancangan

luarbandar. Dengan itu wujudlah sebuah kampong yang dikenali sebagai Kampong Pasir Baru. Nama Pasir Baru ini adalah diambil dari Pasir Putih yang terdapat di kawasan lombong tersebut. Dalam tahun 1968 sebahagian daripada tanah di kampong ini telah dijadikan tanah lot oleh kerajaan (109 lot) manakala sebahagian lagi terutamanya yang terletak di sepanjang jalan keretapi kekal sebagai tanah haram yang dikenal sebagai setinggan. Mulai 1.2.1974 kampong ini telah diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan Wilayah Persekutuan sehingga kini.

2. KEDUDUKAN KAWASAN KAMPONG PASIR BARU

Kampong ini terletak di bawah Daerah Petaling, Kuala Lumpur. Kampong ini juga terletak di kawasan Sungai Kelang, Jalan Kelang Lama. Sepanjang kampong ini adalah terletak di sebatang jalanraya Jalan Kelang Lama. Terdapat juga sebuah jalan bertar yang dibina dalam tahun 1977 untuk menghubungkan kampong ini dengan kampong-kampong lain seperti Kampong Pasir Kiri, Kampong Pasir Dalam dan seterusnya ke kawasan Pantai Dalam. Pasar untuk membeli-belah yang berhampiran dengannya ialah pasar yang terdapat di Pantai Dalam. Pasar inilah yang menjadi tempat tumpuan penduduk kampong ini untuk membeli keperluan basah seperti ikan dan sayur-sayuran dan juga lain-lain keperluan harian. Pasar ini adalah dimonopoli oleh orang-orang Melayu. Walaupun begitu terdapat juga kegiatan "Pasar Malam" pada setiap hari Sabtu.

Kampong ini dipisahkan oleh jalan keretapi dari Kampong Pasir Kiri, oleh jalanraya besar dari Kampong Bahagia dan juga melalui jalan-rayanya dari Pantai Dalam. Kawasan ini hanya meliputi kawasan petempatan rumah sahaja.

3. PENEMPATAN DAN PENDUDUK

Berbanding dengan penempatan kawasan perkampungan setinggan yang lain dengan kampong ini didapati adalah tidak jauh bezanya. Cuma yang bezanya kampong-kampong lain kebanyakannya semua kawasan adalah jenis setinggan tapi kampong ini separuh setinggan. Didapati juga ada rumah-rumah yang agak besar dan dibuat dengan sempurna, ada pula rumah-rumah yang sudah usur dan ada yang bercorak sederhana. Rumah didirikan rapat-rapat antara satu sama lain bagi kawasan setinggan. Manakala di-tanah berlot pula rumah didirikan dalam jarak yang agak luas. Kebanyakan rumah adalah diperbuat daripada papan biasa yang berharga murah.

Bagi rumah setinggan ianya dibina tidak mengikut peraturan yang tertentu. Ianya dibina mengikut kehendak sendiri tanpa mempunyai apa-apa perancangan terlebih dahulu. Walaupun begitu bahagian dalam rumahnya dilengkapi dengan ruang-ruang khas seperti bilik tidur, bilik makan dan juga bilik mandi.

Kebanyakan rumah penghuni di sini adalah rumah-rumah persendirian. Walaupun begitu ada yang menyewakan rumah mereka pada orang lain seperti kepada mereka yang baru datang ke kampong tersebut dengan jumlah sewa yang agak tinggi, iaitu di sekitar \$180 - \$300/= sebulan bagi sesebuah rumah.

Pola petempatan yang terdapat di kampong ini adalah berbentuk sejajar dan berkelompok. Rumah-rumah yang dibina adalah sejajar dengan jalan, ianya terdapat di kiri dan kanan jalanraya. Sepanjang jalanraya ini penghuni adalah terdiri daripada orang Melayu, China dan India. Kaum China mendirikan rumah kedai manakala orang India pula mendirikan rumah sederet. Orang Melayu yang mendiami sebahagian besar kampong ini mendirikan petempatan berkelompok di kawasan tanah berlot dan juga kawasan setinggan. Di kawasan tanah berlot semua penghuninya adalah terdiri dari pada orang Melayu. Di sini juga dapat dilihat bahawa batas perkauman dapat dikesan melalui sempadan petempatan. Walaupun begitu mereka masih lagi berinteraksi dengan baik dalam pergaulan sehari-hari.

Berdasarkan pemerhatian penulis, penduduk yang teramai sekali ialah orang-orang Melayu di mana ianya meliputi 95%, kemudiannya diikuti oleh kaum India 3% dan kaum Cina yang berjumlah kecil, hanya 2% sahaja. Ini adalah kerana sejak asal lagi kampong ini diterokai oleh orang-orang Melayu.

B. DEMOGRAFI

1. UMUR RESPONDEN

Penulis hanya menemuramah 50 orang responden sahaja. Ini kerana penulis tidak sempat untuk menemui kesemua penghuni kampong ini. Kebanyakannya responden yang ditemui adalah berumur 21 tahun ke atas kerana umur tersebut adalah umur yang paling minima sekali untuk seseorang itu menyertai atau aktif dalam kegiatan politik. Oleh itu responden yang berumur 21 tahun ke bawah tidak ditemui. Di sini juga penulis hanya dapat menemui beberapa orang saja responden yang berumur lebih dari 50 tahun untuk menyelidik sejarah kampong ini. (Lihat Jadual 2)

Jadual 2
Umur Responden Yang Ditemui

Umur	Bilangan	Peratus bilangan
21 - 25	3	6
26 - 30	10	20
31 - 35	15	30
36 - 40	15	30
41 - 45	4	8
46 - 50	2	4
51 ke atas	1	2
Jumlah	50	100

Berdasarkan jadual di atas penulis banyak menemui responden yang berumur 31 - 40 tahun iaitu sebanyak 60% kerana golongan inilah yang aktif dalam politik. Sebahagian besar ahli yang menganggotai parti secara berdaftar adalah terdiri daripada kumpulan umur ini. Kemudian diikuti pula oleh golongan yang berumur 26 - 30 tahun sebanyak 20%. 10% daripada golongan ini kurang aktif dan tidak merupakan jumlah terbesar yang ditemui oleh penulis kerana mereka ini sibuk dengan kerja masing-masing dan menyertai politik secara sambilan sahaja. Manakala 10% lagi adalah aktif dalam kegiatan politik. Bagi golongan yang agak berumur pula iaitu 40 tahun ke atas pula tidak banyak ditemui iaitu hanya 14% sahaja. Kebanyakan golongan kumpulan umur ini sudahpun bersara daripada menjadi ahli dan bertindak sebagai pemerhati dalam perkembangan parti politik di kampong ini.

2. MIGRASI

Migrasi sememangnya berlaku di kampong ini. Keadaan ini dirasai sendiri oleh penulis. Semasa penulis menetap di kawasan kajian ini, penulis dapati banyak keluarga telah berpindah masuk ke kampong ini dan ada juga yang berpindah keluar. Kebanyakan yang melakukan migrasi ke dalam kampong ini adalah terdiri daripada golongan remaja dan belia kerana kumpulan umur ini adalah salah satu daripada golongan yang terbesar di kampong ini. Kemudian diikuti oleh kumpulan umur kanak-kanak kerana kebanyakan mereka yang berpindah ke dalam itu sudah pun mempunyai keluarga mereka sendiri.

Oleh kerana golongan umur remaja dan belia adalah ramai maka setiap kegiatan parti politik UMNO (United Malayan National Organisation) di sini berjalan lancar keraja mendapat sambutan penduduk kampong. Kerja-kerja gotong royong seringkali diadakan setiap hari minggu.

Dari kajian penulis, didapati banyak sebab mengapa mereka berpindah ke kampong ini. Tujuan mereka berpindah ialah kerana kampong ini adalah berdekatan dengan tempat kerja, mengikut keluarga mereka yang berpindah ke sini dan juga kerana tiada pilihan dari tempat-tempat lain. Jadual 3 menunjukkan bilangan orang telah melakukan migrasi ke dalam mengikut sebab-sebab tertentu.

Jadual 3

Bilangan dan Sebab-sebab Migrasi ke Kampong ini bagi 50 Responden

Sebab berpindah	Bilangan	Peratus
Berdekatkan dengan tempat kerja	27	54
Mengikut keluarga	14	28
Tiada tempat lain	9	18
Jumlah	50	100

Dari jadual 3 didapati bahawa tujuan mereka berhijrah ke kampong ini adalah semata-mata kerana keadaan yang memaksa mereka untuk menetap di sini seperti kerana mahu berdekatan dengan tempat kerja yang meliputi

54%, mengikut keluarga 28% dan tiada pilihan dari tempat lain 18%. bagi mereka yang mengikut keluarga, mereka kebanyakannya terdiri daripada wanita yang mengikut suami mereka, anak-anak mereka dan juga saudara mara mereka.

Jadual 4 pula menggambarkan bilangan 50 orang yang berpindah mengikut kategori umur yang tertentu.

Jadual 4

Kategori Umur dan Bilangan Yang Berpindah
Mengikut Responden yang Ditemui bagi tahun 1987

Umur	Lelaki	Wanita	Jumlah	(%) Jumlah
22 - 30	12	1	13	26
31 - 40	27	3	30	60
41 ke atas	6	1	7	14
Jumlah	45	5	50	100

Jadual di atas menunjukkan bahawa golongan umur 31 - 40 tahun adalah yang teramai berpindah ke kampong ini iaitu kira-kira 60%. Mereka ini kebanyakannya telah kahwin dan mempunyai anak. Mereka ini adalah golongan yang mempunyai gunatenaga yang aktif di mana golongan inilah sebahagian besarnya memegang jawatan penting dalam parti politik di sini.

Penghuni di kampong ini adalah datang dari pelbagai pelusuk Semenanjung Malaysia lihat Jadual 5. Ada yang sudah menetap di kampong ini sejak dari tahun 1960-an dan sehingga kini. Jumlah yang melakukan migrasi ke kampong ini semakin bertambah.

Jadual 5
Tempat Asal Responden

Negeri Asal	Bil. responden	Peratus
Pahang	10	20
Selangor	10	20
N. Sembilan	1	2
Johor	2	4
Perak	6	12
P. Pinang	2	4
Kedah	2	4
Perlis	3	6
Kelantan	14	28
Jumlah	50	100

Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat bahawa negeri Kelantan merupakan negeri asal responden yang teramai sekali (28%). Kebanyakan mereka datang dan menetap di kampong ini kerana peluang pekerjaan, berdekatan dengan tempat kerja dan juga faktor mengikut keluarga. Ini ada-

lah kerana negeri Kelantan tidak dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka di mana banyak berlaku pengangguran bermusim di negeri mereka. Kemudian diikuti oleh negeri Pahang dan Selangor (masing-masing 20%), seterusnya Perak (12%), Perlis (6%), Johor, Pulau Pinang dan Kedah (masing-masing 4%), manakala Terengganu dan Melaka tiada responden yang ditemui.

Seperti yang telah diterangkan mereka ini ada yang melakukan migrasi ke dalam sejak tahun 1960-an dan sehingga kini masih ada lagi yang datang di kampong ini untuk menetap.

Jadual 6
Tarikh Migrasi Ke dalam Kampung Pasir
1960 - 1987

Tarikh mula menetap	Bil. Responden	Peratus
1960 - 65	5	10
1966 - 70	6	12
1971 - 75	4	8
1976 - 80	5	10
1981 - 85	20	40
1986 - 87	10	20
Jumlah	50	100

Daripada jadual itu, migrasi ke dalam kampong ini didapati banyak berlaku antara tahun-tahun 1981 - 85 yang meliputi kira-kira 40%

dan seterusnya diikuti pada tahun 1986 - 87 sebanyak 20%. Ini kerana banyak di antara mereka yang telah mendapat pekerjaan samada swasta atau kerajaan di sepanjang Jalan Kelang Lama dan juga Kuala Lumpur yang berdekatan dengan kampong ini. Oleh kerana itu mereka menetap di sini samada buat sementara waktu ataupun sebaliknya. Kemudian dari tahun 1971 - 80 (18%) kita dapati penghijrahan yang berlaku di kalangan responden ini tidaklah begitu kuat, cuma sejak kebelakangan ini penghijrahan ke kampong ini begitu dominan sekali berlaku.

Manakala bagi mereka yang melakukan migrasi keluar dari kampong ini pula adalah disebabkan mereka ini sudah mendapat pekerjaan baru di tempat yang jauh jaraknya dari kampong ini. Oleh itu penghuni yang terlibat akan berpindah keluar dan menetap di kawasan yang agak lebih dekat dengan tempat mereka bekerja. Begitu juga seandainya mereka mendapat tempat tinggal yang baru yang maka lokasi dan keadaan sekitarnya agak lebih baik dan selamat, diikuti pula oleh jumlah sewa yang agak rendah berbanding dengan sewa asal maka mereka akan keluar dari kampong ini.

C. EKONOMI DAN PEKERJAAN

1. TARAF SOSIO EKONOMI PENDUDUK

Jadual 7
Struktur Pekerjaan Penduduk

Jenis Kerja	Bilangan	Peratus
Kerani	4	8
Berniaga	6	12
Pemandu Teksi/Van	6	12
Pengawal Keselamatan	15	30
Buruh Kilang	4	8
Buruh Kasar	11	22
Pekerja Am	4	8
Jumlah	50	100

Berdasarkan jadual 7 dapat dilihat bahawa sejumlah besar responden bekerja sebagai pengawal keselamatan (30%) dan diikuti pula oleh buruh kasar (22%). Kebanyakannya bekerja di badan-badan swasta seperti Syarikat Security Services.

Menjadi pemandu adalah merupakan jenis pekerjaan yang ketiga ramainya di kalangan responden. Sebahagian daripada mereka itu adalah pemandu teksi dan juga van syarikat swasta dan juga persendirian.

Contoh Syarikat swasta seperti di atas iaitu Syarikat Security Services di mana selain daripada pengawal keselamatan, syarikat ini juga mempunyai van-van tersendiri yang dipandu oleh pekerja-pekerja mereka.

Untuk mengukur taraf sosio-ekonomi responden pengkaji telah menggunakan beberapa unsur. Unsur-unsur itu adalah seperti berikut;

- (i) Pendapatan ketua keluarga dalam satu bulan
- (ii) Pekerjaan ketua keluarga
- (iii) Pencapaian akademik ketua keluarga
- (iv) Pemilikan harta

Jadual 8

Taburan Pendapatan Responden Dalam
Satu Bulan

Pendapatan (\$)	Bilangan	Peratus
Kurang dari 300	5	10
301 - 500	20	40
501 - 700	10	20
701 - 900	9	18
900 ke atas	6	12
Jumlah	50	100

Dalam jadual di atas didapati bahawa 40% daripada responden adalah berpendapatan \$301 - 500 sebulan. Daripada jumlah ini kebanyakannya adalah terdiri daripada pekerja buruh seperti buruh kasar, buruh kilang dan juga pengawal keselamatan (bukan pegawai). Begitu juga dengan jumlah pendapatan yang kurang dari \$300/= (10%) di mana ianya juga terdiri daripada pekerja buruh. Seterusnya bagi yang berpendapatan \$501 - 700 pula terdiri daripada 10 responden yang berkerja sebagai kerani dan pengawal keselamatan. Manakala bagi yang berpendapatan \$701 - 900 pula terdiri daripada pemandu teksi (persendirian) dan juga pengawal keselamatan yang berpangkat pegawai. Yang berpendapatan lebih daripada \$901 adalah terdiri daripada peniaga-peniaga.

Bagi mereka yang bekerja di sektor swasta seperti pengawal keselamatan dan buruh kebanyakannya bekerja lebih masa untuk menambahkan pendapatan mereka supaya menjadi lebih lumayan, manakala bagi mereka yang lain pula ada yang membuka gerai-gerai kecil di waktu malam selain daripada pekerjaan tetap untuk menambahkan pendapatan mereka. Mereka juga melakukan kerja sambilan pada hari minggu seperti menjual daging, ikan di pasar minggu.

Jenis-jenis pekerjaan kebanyakannya yang dilakukan oleh responden tersebut adalah pekerjaan separuh mahir (lihat jadual 7) yang memerlukan tingkat pelajaran formal yang agak rendah. Tingkat pelajaran yang rendah ini adalah merupakan suatu penghalang yang besar untuk mereka

mencapai mobiliti ke atas dalam pekerjaan mereka (lihat jadual 10).

Secara perbandingannya dari segi pendapatan dengan komuniti setinggan di kawasan lain dapatlah dikatakan bahawa taraf hidup penduduk kampong ini agak baik sedikit. Berdasarkan kajian Mohd. Kamal Hariri di Kampong Hj. Abdullah Hukum Bersatu dalam tahun 1976 didapati bahawa pendapatan purata penduduk kampong ini ialah \$235/= sebulan.¹ Mengikut data tersebut 75.85% penghuni setinggan berpendapatan kurang \$280/= sebulan manakala 24.15% adalah berpendapatan lebih dari \$280/= sebulan. Keadaan ini menunjukan bahawa taraf hidup penduduk kampong Pasir Baru adalah lebih baik daripada kampong Hj. Abdullah Hukum Bersatu.

Begitu juga dengan kajian yang dibuat oleh Peter Pirie (1976) pendapatan purata penduduk kampong Pandang adalah \$241/= sebulan dan kampong Chan Saw Lin adalah \$221/= sebulan.² Mengikut kajian Lailawati bt. Judin di kampong Pandan pula penduduk yang mempunyai pendapatan yang kurang daripada \$300/= adalah 86.25% manakala yang lebih \$300/= adalah 13.75%.³

¹ Mohd. Kamal Hariri, Satu Kajian Mengenai Setinggan Dengan Rujukan Khas Pada Kampong Haji Abdullah Hukum Bersatu, Universiti Malaya 1976. Hal 36-37

² Peter Pirie, Squatter Settlement in Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, Pem, Penang, August 1976. Hal 36.

³ Lailawati bt. Judin, Masalah Setinggan di Kg. Pandan, Kuala Lumpur, Sept 1976. Hal 46.

Mengikut Kurt Wehbring pula separuh daripada penghuni setinggan di Kuala Lumpur mempunyai pendapatan yang kurang \$200/=.⁴ Pendapatan yang rendah ini adalah kerana pekerjaan yang mereka lakukan berkemahiran rendah seperti buruh kasar dan pekerja binaan. Terdapat 50 - 80% penghuni setinggan yang tidak mampu untuk membayar sewa rumah yang berharga \$50/=.

Berdasarkan kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tersebut dapat dikatakan bahawa taraf kehidupan penghuni setinggan di kampong Pasir Baru ini agak lebih baik daripada kampong-kampong yang dinyatakan itu walaupun kajian itu telah dilakukan 10 tahun yang lalu. Ini kerana kebanyakan penghuni kampong ini mempunyai kelulusan yang agak sederhana. Dengan adanya kelulusan ini maka taraf gaji mereka agak terjamin berbanding dengan mereka yang mempunyai kelulusan yang lebih rendah.

Seterusnya kita lihat taraf hidup setinggan di Pulau Pinang dan juga Johor Bharu. Di Pulau Pinang satu kajian mengenai setinggan telah dilakukan oleh Rosmah bt. Datuk Hj. Abu Bakar. Mengikut kajian beliau 38.7% penghuni kawasan Jelutong Timur adalah berpendapatan kurang dari

⁴ Kurt Wehbring, "Squater in the Federal Territory Analysis and Programs Recommendation," Kuala Lumpur. 1976. Hal 13.

\$300/= manakala yang berpendapatan lebih daripada \$300 adalah 61.3%⁵ Mengikutnya lagi bagi yang berpendapatan lebih daripada \$300/= ini, ianya dibantu oleh pendapatan anak-anak mereka yang bekerja di kilang ataupun di pejabat.

Manakala setinggan di Johor Bharu pula telah dibuat kajian oleh Ahmad Hj. Othman. Menurut kajian beliau penduduk yang mempunyai pendapatan kurang dari \$200/= adalah 66.3%, manakala 3% mempunyai pendapatan yang lebih dari \$500.⁶ Menurut beliau lagi kebanyakannya adalah berpendapatan rendah kerana mereka tersebut terdiri daripada buruh kasar dan buruh kilang yang tidak mahir. Manakala yang berpendapatan agak tinggi itu terdiri daripada buruh bangunan di Singapura. Kerja sendiri seperti bermiaga dan pemandu teksi sapu.

Oleh itu secara perbandingannya dengan setinggan penghuni Kampong Pasir Baru ini dapat dikatakan juga bahawa taraf hidup penghuni Kampong Pasir Baru adalah lebih baik daripada setinggan di Jelutong Timur dan di Johor Bharu itu. Ini kerana pendapatan penghuni Kampong

⁵ Rosmah bt. Datok Hj. Abu Bakar, Dilema Setinggan Pulau Pinang (Jelutong Timur) Oktober 1983. Hal 40.

⁶ Ahmad Hj. Othman, Setinggan Kampong Melayu Majidee, Johor Bharu - Satu tinjauan Dari Sudut Mikro Demografi, Universiti Malaya Sept 1977. Hal 63 - 64.

Pasir Baru ini adalah lebih baik, yakni hanya 10% saja yang rendah daripada \$300/= manakala peratus yang selebihnya adalah berpendapatan lebih daripada \$300 dan ada yang mencapai ke angka \$1100 lebih (12%) sebulan.

Pemilikan Harta

Pemilikan harta juga digunakan untuk mengukur taraf sosio-ekonomi. Pemilikan harta adalah berdasarkan kepada barang-barang yang dipunyai oleh tuan rumah. Bagi mereka yang berpendapatan rendah yakni kurang dari \$300/= sebulan sudah tentu ia tidak mampu untuk membeli barang-barang yang bukan keperluan asas dan berharga mahal. Maka ini lebih menitikberatkan kepada perbelanjaan keperluan asas sahaja dan jika ada kelebihan mereka ini menyimpan wang-wang tersebut untuk masa depan anak-anak mereka. Dalam ertikata lain ianya lebih memberatkan kepada barang-barang keperluan sahaja. Barang-barang mewah seperti kereta, peti sejuk dan talivesyen adalah barang tidak mesti yang di luar kemampuan mereka.

Manakala bagi mereka yang memiliki pendapatan lebih daripada perbelanjaan untuk keperluan asas, mereka ini mampu untuk membeli barang-barang mewah tersebut selain daripada menabung wang mereka tersebut.

Berdasarkan pemerhatian penulis ramai di antara penghuni kampung ini mempunyai barang-barang mewah seperti kereta, motor, telivisyen, peti sejuk walaupun mereka ini mendiami kawasan setinggan.

Jadual 9

Jenis-jenis Barang Rumah Yang Dimiliki
Oleh 50 orang responden

Jenis barang-barang	Jumlah Pemilik	Peratus
Kereta	4	8
Peti Sejuk	5	10
Telivisyen	25	50
Motorsikal	39	78
Radio	50	100
Talipon	2	4

Untuk melihat pemilikan harta kita perlu merujuk kepada taburan pendapatan (jadual 8) dan seterusnya kepada jadual 10 berhubung dengan pemilikan harta oleh responden yang ditemui itu.

Bagi pemilik kereta (4 orang) 8%, peti sejuk (5 orang) 10%, dan juga pemilik talipon 4% (2 orang) adalah mempunyai pendapatan lebih dari \$700/= ke atas. Mereka ini dikategorikan dalam golongan yang berada. Seperti pegawai pengawal keselamatan dan juga peniaga-peniaga.

Manakala pemilik telivisyen (25 orang) 50% dan juga motorsikal 39 orang (78%) adalah dari golongan yang sederhana. Mereka ini mampu untuk membelinya. Biasanya mereka ini tergolong dalam tingkat pendapatan \$500 ke atas.

Manakala radio pula adalah barang yang agak murah di mana ianya dimiliki oleh semua responden yang ditemui.

Jadual 10
Taraf Pendidikan Responden

Taraf Pendidikan	Bilangan	Peratus
Tidak pernah sekolah	-	0
Lulus darjah enam	12	24
SRP/LCE	15	30
SPM/MCE	13	26
STP/STPM/HSC	8	16
Sekolah Agama	2	4
Jumlah	50	100

Daripada jadual di atas didapati bahawa taraf pendidikan Sijil Rendah Pelajaran atau Lower Certificate of Education (SRP/LCE) adalah di antara bilangan responden yang teramai (30%). Ianya meliputi pekerja buruh kilang, buruh kasar, pengawal keselamatan (bukan pegawai) dan juga pemandu teksi dan van. Seterusnya bagi yang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau Malayan Certificate of Education (SPM/MCE) juga melibatkan buruh kilang, pengawal keselamatan (bukan pegawai) dan juga peniaga-peniaga kecil. Profesional perkeranian melibatkan kelulusan

Sijil Tinggi Pelajaran/Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia atau Higher School Certificate (STP/STPM/HSC) yang lulus darjah enam pula juga melibatkan diri dalam perniagaan secara kecil-kecilan seperti membuka kedai runcit dan juga buruh kasar, (24% daripada bilangan responden). Manakala 2 orang yang berkelulusan sekolah agama adalah pekerja kerajaan iaitu pekerja am. Bagi pengawal keselamatan (pegawai) mereka itu tergolong dalam kelulusan STPM/STP/HSC.

D. PERTUBUHAN DAN PERSATUAN

Keujudan pertubuhan-ertubuhan sukarela di kalangan masyarakat di kampong ini adalah disebabkan oleh keadaan kehidupan mereka yang amat memerlukannya. Pengalaman pahit mereka sewaktu menghadapi soal kematian menyebabkan mereka menubuhkan Khairat Kematian pada tahun 1972. Tujuan persetuan ini ialah untuk membantu keluarga simati dengan memberikan bantuan dalam bentuk kewangan untuk pengurusan dan alat-alat pengkebumian. Dengan cara ini dirasakan dapat mengurangkan beban keluarga yang berkenaan itu. Cara ini telah menunjukan sifat kerjasama antara mereka hidup dalam sebuah kampong. Daripada responden yang ditemui didapati semuanya menganggotai pertubuhan tersebut. Begitu juga sambutan mereka terhadap pertubuhan kumpulan Yasin dan kumpulan Merhaban. Semua pertubuhan tersebut telah ditubuhkan pada tahun 1972. Tujuan mereka adalah untuk hidup bermasyarakat, mewujudkan perasaan tolong menolong dan

kerjasama di kalangan mereka. Dengan adanya pertubuhan tersebut maka mereka dapat berinteraksi dengan lebih rapat lagi sesama mereka.

Koperasi Usaha Bersama juga telah ditubuhkan pada tahun 1984. Ianya didaftarkan secara biasa dan tidak melalui UMNO. Di antara perancangan yang telah dipersetujui oleh pendaftar koperasi adalah seperti berikut:-

- (a) Menjadi ejen insuran kereta motor, rumah dan kebakaran.
- (b) Menguruskan mini market atau supermarket atau pasaraya.
- (c) Membuka kedai tayar dan perkara yang berkaitan dengannya.
- (d) Lain-lain yang difikirkan baik dan mendapat kebenaran dari pendaftar koperasi.

Perjalanan koperasi Usaha Bersatu ini adalah tiada kaitannya dengan aktiviti UMNO.

BAB III

PENYERTAAN POLITIK DIPERINGKAT TEMPATAN

Pertubuhan parti politik yang terdapat di dalam sesuatu kawasan adalah merupakan badan perantaraan yang dapat diterima untuk berunding dengan pihak yang berkuasa. Kebanyakannya adalah terdiri daripada parti politik yang memerintah, walaupun ada yang bukan dari parti pemerintah. Gambaran yang nyata mengenainya dapat dilihat dalam kebanyakan kawasan setinggan di mana pertubuhan politik yang terkuat adalah dari parti-parti yang memerintah. Umpamanya di kawasan kajian ini, pertubuhan politik yang dominant oleh UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu), walaupun terdapat dari kalangan penghuninya menganggotai lain-lain pertubuhan politik. Ini dapat difahami kerana kebanyakan penduduknya terdiri daripada orang-orang Melayu, sedangkan di kawasan yang ramai penduduknya terdiri daripada orang India atau Cina, sudah pasti pertubuhan yang kuat adalah MIC, MCA ataupun Gerakan iaitu parti-parti yang terdapat dalam kerajaan yang mewakili kaum-kaum tersebut. Jadi keadaan ini sebenarnya adalah wujud demi kepentingan seluruh penduduk di kawasan itu.

Walaupun begitu ada juga penghuni-penghuni yang hanya memberi sokongan secara lahir saja kepada parti yang dominant tersebut tetapi apabila tiba musim mengundi parti dominant tersebut kalah ataupun mengalami jumlah undi yang agak merosot. Sebagai contohnya kajian yang dibuat

oleh Lawrence Siaw¹ mengenai Kampong Pakar di mana penghuninya adalah rata-rata masyarakat Cina. Mengikut kajian beliau jumlah undi yang dibерikan kepada DAP adalah begitu tinggi dalam pilihanraya UMUM. Keadaan seperti ini sememangnya berlaku dalam tahun 1969 - 1974 bagi kawasan Sg. Besi. Di sini dapat dilihat bahawa sokongan kepada parti pembangkang tersebut telah diberi secara senyap. Mengikut Lawrence lagi daripada sample yang dipilih, peratus responden yang bersikap "non-committal" atau tidak mahu menjawab adalah 44% dan hanya 1.1% responden saja yang menyatakan sokongan moral dan sokongan aktif untuk DAP. Tetapi DAP mendapat jumlah undi yang banyak dalam pilihanraya.

A. POLITIK DI KAMPONG PASIR BARU

Untuk mengkaji pertubuhan politik UMNO bagi kawasan ini tidaklah begitu sukar. Ini kerana kebanyakan penduduk di kawasan ini samada dari setinggan ataupun bukan setinggan. Juga struktur pertubuhan ini pada dasarnya disusun sebagaimana bentuknya yang terdapat diperingkat pusat iaitu mempunyai jawatankuasa tertinggi dan jawatankuasa kecil yang lain. Oleh kerana kawasan ini adalah sebahagian daripada kawasan setinggan maka secara otomatis ketua kampong juga adalah ahli jawatankuasa

¹ Lawrence Siaw, "Squatting in Peninsula Malaya An Analysis of Its Trend and Impact," MCA, Research Bureau, Kuala Lumpur, Malaysia, 1976, Hal 10.

pertubuhan ini iaitu Ketua UMNO Peringkat Cawangan. Hal ini menjadikan perhubungan di antara parti dengan penghuninya adalah lebih rapat berbanding dengan penduduk di kawasan asal dan kawasan perumahan harga murah.² Ini dapat dilihat bahawa penduduk terutamanya di kawasan setinggan adalah terlalu bergantung hidup kepada parti politik UMNO.

Pandangan serta tuntutan mereka untuk mendapatkan segala kemudahan hidup biasanya disalurkan melalui UMNO yang ada di kawasan mereka. Kelaziman ini terus berlanjutan hingga beberapa keperluan asas hidup mereka diperolehi seperti bekalan paip air, kuasa letrik dan juga jalan bertar. Sungguhpun tidak semua permintaan mereka itu berjaya diperolehi, tetapi mereka tetapi mereka tetap terus menggunakan saluran ini dalam membuat sebarang tuntutan ataupun permintaan. Dengan ini bagi masyarakat setinggan parti UMNO ini tidaklah semata-mata merupakan suatu pertubuhan dengan matlamat perjuangan politik sahaja tetapi juga merupakan saluran penghubung antara pihak berkuasa dengan masyarakat setinggan. Hal yang serupa juga dapat diperhatikan terhadap penghuni tanah lot. Fungsi UMNO adalah sama dengan masyarakat setinggan. Di samping itu ia juga bertindak sebagai badan kebijakan untuk mengatasi segala masalah yang timbul di dalam masyarakat ini.

² Asfari Furi: Penyertaan Politik Masyarakat Setinggan di Kampong Pandan, Latihan Ilmiah Universiti Malaya 1975/76. Hal 28.

Mengenai penubuhan parti UMNO di kawasan ini, ianya bermula dalam tahun 70-an akibat kesedaran seluruh penduduk bahawa kehidupan mereka tidak akan diberi perhatian sekiranya mereka tidak menubuhkan suatu pertubuhan parti politik yang kuat untuk menyelamatkan mereka dari sebarang gangguan atau ancaman dari mana-mana pihak. Untuk itu, mereka telah memilih parti UMNO kerana rata-rata masyarakat di sini adalah terdiri daripada orang Melayu dan UMNO juga adalah parti Induk kerajaan hari ini. Penubuhan UMNO juga adalah untuk mengelakkan penduduk daripada bertindak secara bersendirian apabila terdapat sesuatu masalah. Walaupun begitu, mereka ini boleh menjadi satu kumpulan pendek dalam keadaan tertentu dan ini menjadikan UMNO sebagai suatu organisasi yang paling efektif untuk penghuni di kawasan ini menyalurkan seluruh kepentingan mereka.

Sebelum UMNO cawangan ini didaftarkan secara resmi, terdapat suatu pertubuhan yang dikenali sebagai Badan Perhubungan Masyarakat yang dipengerusi oleh Encik Abdul Manan bin Mohd. Noh. Badan ini berfungsi untuk memajukan kawasan Petaling (termasuk kawasan ini). Memorandum telah dihantar kepada pihak yang bertanggungjawab untuk memajukan sekitar kampong dalam kawasan Petaling (lihat lampiran) setelah UMNO ditubuhkan dan kemudiannya didaftarkan secara resmi tahun 1983 pertubuhan ini berhenti setakat ini saja kerana peranannya telah diambil alih oleh UMNO.

Dalam tahun 1980-an UMNO kawasan ini dikatakan begitu aktif sekali terutamanya setelah didaftar secara resmi pada 28.3.1983 (lihat Lampiran 1); menggunakan nombor pendaftaran 5582. Dalam tahun 1984 keahlian telah mencapai ketahap seramai 1023 orang³ tahun 1985 jumlah ahli telah meningkat kepada 1087 orang.⁴ Tetapi keahlian bagi tahun 1986 agak merosot iaitu seramai 609 orang saja kerana sebilangan besar ahli UMNO yang dahulu adalah terdiri daripada mereka yang menyewa. Mereka itu kemudiannya telah berpindah ke tempat lain.⁵ Daripada jumlah ahli tersebut 290 orang adalah terdiri daripada wanita. Walaupun begitu segala kegiatan yang dijalankan oleh UMNO berjalan lancar kerana mendapat sambutan dan sokongan yang penuh daripada ahli dan penghuni kampong ini. Bagi sesi 1987/1988 ini UMNO cawangan ini dipimpin oleh Encik Shamsul Bahari bin Shamsudin. Sebelum ini (sesi 1986/87) UMNO ini dipimpin oleh Hj. Abdul Manan bin Mohd Noh (AMN, PPN).

Kebanyakan kegiatan jentera parti dijalankan di Balairaya Kampong Pasir Baru. Parti ini juga mempunyai Bahagian Pemuda dan Wanita

³ Penyata Tahunan UMNO 1984/85, Cawangan Kampong Pasir Baru, Petaling, Kuala Lumpur 1985. Hal 5.

⁴ Penyata Tahunan UMNO 1985/86 Cawangan Kampong Pasir Baru, Petaling, Kuala Lumpur Hal 44.

⁵ Penyata Tahunan UMNO 1986/87, Cawangan Kampong Pasir Baru, Petaling, Kuala Lumpur. Hal 23.

yang bertugas menolong menguatkan kegiatan dan kedudukan parti ini. Bagi sesi 1987/88 Ketua Pemuda di pimpin oleh Encik Mohd. Zin Salleh dan Ketua Wanita UMNO pula dipegang oleh Puan Rosnani bt. Salleh.

B. JENIS PENYERTAAN DALAM POLITIK

Penyertaan dalam politik ini dapat dibahagikan kepada dua; iaitu penyertaan secara aktif atau giat dan juga penyertaan yang tidak giat (pasif). Penyertaan secara aktif adalah seperti memegang jawatan dalam parti, mengambil bahagian dalam tugas-tugas tertentu untuk menjaga kepentingan parti. Manakala penyertaan yang tidak aktif pula, merujuk kepada penglibatan secara tidak langsung saja seperti keluar mengundi untuk sesebuah parti.

Golongan yang aktif dapat dikesan melalui kegiatan mereka dalam pejabat parti, menghulurkan sumbangan kewangan untuk kegiatan parti seperti berkempen untuk parti ataupun mengadakan mesyuarat. Orang yang paling aktif sekali ialah Ketua Parti (UMNO), ahli jawatankuasa parti dan juga penyokong parti tersebut. Ini adalah kerana mereka inilah yang menjadi penghubung antara masyarakat di kampong ini dengan parti politik yang dominant di sini. Fungsinya adalah untuk membawa segala masalah penghuni ke pengetahuan pihak berkuasa ataupun kerajaan.

Jadual 1
Jenis Penyertaan Politik

Jenis Penyertaan	Bilangan	Peratus
Aktif	35	70
Tidak aktif	15	30
Jumlah	50	100

Berdasarkan jadual 1, penulis dapati 35 orang (70%) daripada 50 responden yang ditemui adalah aktif dalam parti politik. Kebanyakan mereka ini adalah penghuni setinggan. Manakala 15 orang (30%) lagi adalah tidak bergiat dalam politik. Mereka ini terdiri daripada penghuni setinggan dan juga tanah lot.

Golongan yang aktif ini dapat dilihat peranannya dengan jelas apabila tibanya setiap musim pilihanraya. Mereka ini adalah penggerak kepada parti UMNO untuk kawasan ini. Segala apa yang hendak disampaikan oleh parti terhadap penghuni kawasan ini adalah melalui mereka yang aktif. Mereka menyediakan segala kemudahan untuk mengadakan suatu rapat umum parti mereka. Mereka ini akan bertugas sepanjang hari apabila tibanya hari pengundian. Ini bererti mereka mempunyai kesungguhan hati dalam menjalankan kegiatan politiknya.

Jadual 2
Kekerapan Mengikuti Kegiatan Politik

Jawapan	Bilangan	Peratus
Selalu	35	70
Jarang-jarang	10	20
Tidak pernah	5	10
Jumlah	50	100

Jadual 2 menunjukkan kekerapan responden mengikuti kegiatan yang dianjurkan parti. Dari seramai 50 orang responden 35 orang (70%) yang selalu mengikuti kegiatan politik, 10 orang (20%) yang jarang-jarang dan 5 orang (10%) yang tidak pernah mengikuti kegiatan politik. Mereka yang 15 orang ini adalah tidak aktif dalam politik.

Mereka yang aktif ini adalah berminat dalam hal-hal yang berkaitan dengan politik. Mereka ini sentiasa mengikuti perkembangan politik semasa. Setiap tindakan kerajaan terhadap rakyat menjadi perhatian mereka. Tambahan pula kebanyakan mereka ini adalah penghuni setinggan. Penyertaan mereka dalam politik ini juga dipengaruhi oleh faktor keselamatan tentang kedudukan mereka yang menetap di tanah haram. Dengan penyertaan mereka dalam parti kerajaan ini, mereka merasa keselamatan dihalau dari tanah tersebut lebih terjamin. Mereka tidak mahu seperti apa yang berlaku di Kampong Melayu Bumi Hijau dan Sri Gombak, Setapak di mana penghuni

setinggan di sini telah dihalau kerana adanya projek perumahan Taman Melati.⁶ Oleh itu penyertaan politik dalam UMNO adalah penting untuk tujuan tersebut. Bagi mereka politik adalah penting.

Selain daripada faktor tersebut, mereka juga memilih dan menyokong UMNO kerana UMNO adalah salah sebuah parti Melayu dan Islam. Bagi mereka UMNO telah memperjuangkan nasib orang-orang Melayu dan juga Ugama Islam. Dengan adanya sokongan daripada orang-orang Melayu seperti mereka, UMNO akan menjadi lebih kuat dan teguh kedudukannya dalam pemerintahan kerajaan Melayu.

Jadual 3

Sebab-sebab Responden Memilih UMNO Sebagai Parti Mereka

Jawapan	Bilangan	Peratus
Tiada pilihan lain	-	-
Untuk kepentingan komuniti	20	40
Memperjuangkan Islam	15	30
Beri kuasa pada orang Melayu	15	30
Jumlah	50	100

Jadual 3 menerangkan sebab mengapa penghuni kampong ini menyokong UMNO. Didapati 40% daripada penghuni menyokong UMNO demi kepada kepentingan komuniti itu sendiri seperti untuk mengelakan dihalau dari tanah haram bagi penghuni setinggan dan juga untuk mendapat kemudahan asas bagi semua

(6). Majalah ERA, 4hb. Mei 1985, Halaman 28.

penghuni kampong tersebut.

Manakala seramai 30% (15 orang) menyokong UMNO atas dasar UMNO telah memperjuangkan Islam dan 30% lagi atas dasar untuk mengekalkan kekuatan orang Melayu. Bagi mereka UMNO penting untuk tujuan tersebut.

Oleh itu berdasarkan faktor-faktor diataslah mereka telah se-daya upaya bertungkus lumus dan giat menyokong UMNO.

Seterusnya kita lihat bentuk-bentuk aktiviti politik yang selalu diikuti oleh mereka yang aktif ini.

Jadual 4

Bentuk aktiviti Politik Yang Selalu Diikuti

Jenis Aktiviti	Bilangan	Peratus
Perbincangan di kedai kopi	10	20
Menyertai kegiatan parti	35	20
Tidak menyertai apa-apa kegiatan parti	5	10
Jumlah	50	100

Jadual 4 menunjukkan aktiviti politik yang disertai oleh penduduk. Daripada 50 responden yang ditemui 35 responden (70%) menyertai setiap kegiatan parti, 10 responden (20%) lebih suka membuat perbincangan di

kedai kopi dan 5 responden (10%) tidak menyertai apa-apa kegiatan parti.

Bagi mereka yang menyertai kegiatan parti itu, aktiviti ceramah merupakan aktiviti yang paling disukai. Ia seringkali diadakan oleh parti politik dalam usaha untuk menarik sokongan masyarakat tersebut bila hampir pilihanraya. Ceramah diadakan di balairaya. Ceramah adalah penting dalam usaha untuk menarik sokongan penghuni untuk kemenangan parti. Selain daripada aktiviti ceramah, setiap aktiviti parti yang dijalankan di bawah biro-biro parti juga diikuti oleh responden tersebut. Setiap apa kegiatan yang dijalankan oleh parti tersebut mendapat sambutan mereka untuk menjayakannya.

Responden yang lebih suka mengadakan perbincangan politik di kedai-kedai kopi adalah terdiri daripada mereka yang tidak aktif dalam parti. Mereka hanya sekadar berbincang saja tapi tidak mengikuti apa yang berlaku selanjutnya dengan mendalam dalam perkembangan dan kegiatan parti.

Bagi yang tidak menyertai apa-apa kegiatan parti, mereka ini adalah terlalu pasif dalam kegiatan politik tapi mereka telah menyatakan bahawa mereka juga adalah penyokong parti UMNO tetapi tidak berminat untuk bergiat secara aktif. Mereka ini akan keluar mengundi apabila tibanya musim pilihanraya. Mereka juga seringkali sibuk dengan kerja mereka seharian di mana mereka ini banyak kerja "lebih masa" dan tiada masa untuk memikirkan soal politik. Mereka hanya membayar yuran ahli

dan bersetuju dengan apa yang diputuskan dalam setiap mesyuarat untuk aktiviti parti.

C. FAKTOR PENDORONG PENYERTAAN POLITIK

Penyertaan politik biasanya berpunca dari sistem komunikasi yang menyalurkan penerangan dan juga maklumat mengenai sesuatu. Peranan komunikasi yang ada ini telah menyebabkan ujudnya kesedaran di kalangan penghuni untuk menyertai organisasi sosial dan seterusnya aktiviti politik.

Penyertaan politik adalah penting dalam perkembangan politik sesebuah masyarakat. Penyertaan politik adalah dipengaruhi oleh aspek penghidupan seperti keadaan sosio-ekonomi, keturunan desakan dari keluarga atau rakan sepermainan dan kepercayaan yang kuat dari komuniti tersebut. Faktor-faktor ini mungkin bertindak sebagai pendorong atau penghalang penyertaan politik oleh individu dalam sesebuah masyarakat.

Penyertaan politik boleh dibahagikan secara kasar dalam 2 bentuk iaitu aktif dan pasif. Sungguhpun begitu ada juga pembahagian penyertaan politik berdasarkan tiga bentuk pelakuan terbesar iaitu pemerhati (observer), perantaraan (transitional) dan perebutan untuk mendapat kuasa (gladio-rial).⁷ Dan di dalam 3 bentuk perlakuan tadi terdapat 14 perlakuan yang

⁷ Asfari Furi, Ibid, Hal 84.

menunjukkan perkembangan tahap penyertaan ini. Dari kesemua perlakuan itu dirumuskan kepada penyertaan individu dalam sekurang-kurangnya satu perlakuan politik yang paling pasif seperti membayar cukai dan patuh terhadap undang-undang sebagai tindakbalasnya terhadap sistem politik yang ada.

Oleh itu dalam kontek kajian ini, penulis akan meninjau penyertaan politik masyarakat di kampong ini.

FAKTOR SOSIAL

(a) Keluarga

Di dalam penglibatan dan penyertaan politik, keluarga adalah memainkan peranan penting. Keluarga yang dikaji kebanyakannya tergolong dalam fahaman politik yang sama, keadaan ini wujud kerana perhubungan yang terjalin antara keluarga itu telah dapat membentuk suatu sikap yang boleh mempengaruhi hubungan sesama mereka. Tambahan pula keluarga adalah merupakan tumpuan bagi anak-anak mereka untuk mendapat pendidikan dan juga pandangan dalam tindak tanduk berhubung dengan aktiviti ekonomi, sosial dan politik. Keadaan ini bolehlah dikatakan bahawa faktor kekeluargaan juga adalah sumber utama dalam penyeburan politik di kalangan anggota keluarga mereka dan seterusnya ke kawasan sekitarnya.

Keadaan ini wujud kerana hubungan kekeluargaan adalah terjalin erat. Bapa adalah pemimpin dalam keluarga dan ibu bertindak sebagai

pembantunya. Oleh itu anak-anak mereka sudah semestinya arif bagaimana untuk menyesuaikan diri dan dapat membezakan antara anak dengan bapa dari segi kekuasaan dalam sesebuah keluarga. Sikap tersebut telah membentuk satu sosialisasi dan kehidupan politik yang berdasarkan kata penuntur daripada bapa.

(b) Pendidikan

Pendidikan juga adalah merupakan suatu faktor penting kenapa seseorang itu melibatkan diri dalam politik. Dengan adanya pendidikan telah menyebabkan manusia sedar betapa pentingnya penyertaan mereka dalam bidang politik. Melalui pendidikan yang ada, idea-idea politik telah dapat didedahkan.

Di dalam masyarakat yang dikaji, didapati pendidikan telah dapat membentuk sikap dan kesedaran politik mereka.

Dari 50 responden yang ditemui, 12 orang (24%) adalah mendapat pendidikan sekolah rendah iaitu lulus darjah 6, 2 orang (4%) daripada sekolah agama dan jumlah yang selebihnya adalah berpendidikan sekolah menengah (rujuk Jadual 10,Bab 2).

Dari jadual tersebut menunjukkan ramai responden yang ditemui adalah mempunyai asas pendidikan yang agak sederhana. Di sini semua responden yang ditemui adalah tidak buta huruf dan boleh memahami hal-

hal yang berkaitan dengan politik.

Kebanyakan mereka yang aktif dalam politik adalah mereka yang berpendidikan. Di sini melalui kebolehan dan pengetahuan yang ada telah menyebabkan mereka bergiat aktif dalam politik. Mereka ini seringkali terdedah kepada sebarang idea pembaharuan dan juga tempat bagi golongan yang kurang berpendidikan untuk merujuk sesuatu persoalan yang timbul.

(c) Media Massa

Media massa adalah salah satu daripada alat komunikasi yang penting yang menyalurkan kesedaran politik di kalangan manusia. Kadar pendedahan penghuni kepada sebarang am tersebut telah dapat menentukan sejauhmanakah kesedaran politik sesuatu masyarakat itu.

Antara alat komunikasi yang penting ialah akhbar, talivisyen, radio, majalah-majalah, risalah-risalah dan sebagainya. Alat-alat ini memainkan peranannya untuk mendedahkan hal-hal yang berkaitan dengan politik terhadap masyarakat manusia. Secara tidak langsung ia dapat menghubungkan pemimpin politik dengan rakyat. Keadaan ini tidak menyebabkan pengaruh ahli politik tersebut dapat dikembangkan secara lebih berkesan. Keadaan ini semua telah dapat menyedarkan masyarakat kampong tentang betapa pentingnya penyertaan mereka dalam politik.

Dari kajian penulis alat komunikasi yang penting memberi maklumat politik kepada mereka ialah akhbar, radio talivisyen dan juga kempenkempen semasa pilihanraya. Walaupun begitu mereka juga mendapat pengetahuan politik melalui ceramah-ceramah politik yang mereka terdiri dimana saja dan juga melalui masyuarat parti.

Jadual 5
Sumber Maklumat Politik

Sumber	Bilangan	Peratus
Radio/TV	20	40
Suratkhabar	15	30
Kawan-kawan	5	10
Syarahan/ceramah	10	20
Jumlah	50	100

Dari jadual tersebut kita dapati bahawa radio dan talivisyen merupakan sumber maklumat politik yang penting bagi penghuni di kawasan ini. Ini kerana maklumat yang disampaikan adalah secara terus dan mereka mudah memahaminya. Lagi pun semua penghuni mempunyai kemampuan untuk memiliki radio kerana harganya agak murah. Oleh itu semua responden yang ditemui ada memiliki radio. Sedangkan dalam akhbar, ianya memerlukan penguasaan bahasa yang agak baik untuk memahami sesuatu rencana yang ditulis dalam setiap akhbar. Oleh itu ianya agak kurang mendapat sambutan

kalau berbanding dengan radio dan talivisyen. Namun begitu kekerapan membaca akhbar sahaja masih belum mencukupi untuk seseorang itu terdedah kepada penyertaan dalam politik tanpa minat dan kesedaran.

Jadual 6
Kekerapan Membaca Akhbar

Jawapan	Bilangan	Peratus
Tiap-tiap hari	25	50
Jarang-jarang	20	40
Tidak membaca langsung	5	10
Jumlah	50	100

Jadual 6 menunjukkan dari seramai 50 responden yang ditemui, 25 orang (50%) membaca akhbar tiap-tiap hari. Manakala 20 orang (40%) lain pula membacanya jarang-jarang dan 5 orang (10%) yang tidak suka langsung untuk membaca akhbar. Bagi yang membaca akhbar pada setiap hari itu mereka sentiasa berlanggan untuk mendapatkan akhbar di kedai-kedai yang berdekatan kerana tidak mahu ketinggalan berita dalam akhbar pada hari tersebut. Bagi yang tidak membaca akhbar itu, mereka sebenarnya bukan tidak mampu untuk membeli akhbar tapi tidak berminat untuk membaca kerana mereka lebih suka mendengar berita melalui radio dan juga talivisyen.

FAKTOR AGAMA

Dalam konteks ini penulis akan menitikberatkan 2 aspek penting iaitu pertama bagaimana kegiatan agama yang dijalankan dapat mewujudkan kesedaran penghuni untuk menyertai parti politik dan yang keduanya ialah pegangan agama seseorang itu dapat menyedarkan betapa pentingnya penyertaan mereka dalam hal-hal yang berkaitan dengan politik.

Agama adalah amat penting untuk mewujudkan interaksi sosial di kalangan penghuni. Melalui sebarang aktiviti keagamaan yang dijalankan dari semasa ke semasa, secara tidak langsung telah mempereratkan lagi hubungan persaudaraan di kalangan masyarakat Islam di sini. Ceramah agama contohnya dihadiri oleh ramai penghuni kampong ini. Begitu juga dengan sambutan terhadap kelas fardhu ain. Ianya adalah menggalakan. Semuanya ini adalah bertujuan untuk memahami dan mendalami hal-hal keagamaan. Ceramah-ceramah yang diberi itu biasanya meliputi hal-hal yang berkaitan dengan dunia dan akhirat. Bahkan ada yang beranggapan ceramah agama adalah sama dengan ceramah politik kerana bagi mereka politik adalah sebahagian dari agama.

Kehadiran orang ramai ini akan dapat mewujudkan sikap bekerjasama, gotong royong dan dapat memupuk rasa permuafakatan di kalangan penghuni. Keadaan ini semua telah melahirkan satu masyarakat Islam yang patuh kepada prinsip keislaman dan juga telah dapat membentuk integrasi sosial yang baik di antara mereka.

Begitu juga dengan faktor kedua di mana mereka yang mendapat pendidikan agama yang mendalam seringkali mengetuai setiap ceramah agama yang diadakan dan juga berkecenderung untuk memihak kepada parti yang bercorak keislaman.

Kesemua faktor di atas menunjukkan agama juga adalah suatu faktor yang penting di dalam mempengaruhi penglibatan dan penyertaan penghuni terhadap parti politik masyarakat kampong.

FAKTOR POLITIK

Faktor politik juga mempengaruhi masyarakat kampong ini untuk melibatkan diri dalam politik. Melalui pertubuhan politik yang ada di kampong ini, (UMNO), banyak kegiatan politik telah dijalankan oleh ahli jawatankuasanya. Ianya meliputi hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi, sosial dan politik. Semua kegiatan ini telah mendorong mereka untuk menyertai politik dengan lebih giat lagi.

Melalui parti dominant yang ada di kampong ini iaitu UMNO, banyak program-program yang dilaksanakan untuk memberi kemudahan dan kemajuan kepada masyarakat kampong ini. Segala kegiatan terletak di bawah biro masing-masing seperti biro pembangunan, biro ekonomi, biro agama dan biro kebajikan. Melalui jawatankuasa pertubuhan politik inilah sebarang permohonan telah diajukan kepada pihak atasan iaitu wakil rakyat ataupun Majlis Bandaraya untuk melaksanakan sesuatu projek seperti projek

jalanraya, air paip dan juga jejambat untuk kemudahan penghuni. Keadaan ini semua telah menyebabkan penghuni merasai bahawa nasib mereka diberi perhatian. Secara tidak langsung pengaruh UMNO merebak secara meluas di kalangan masyarakat kampong ini (untuk keterangan lanjut mengenai aktiviti UMNO, sila rujuk kepada bab 4 di bawah tajuk Aktiviti UMNO Cawangan. Oleh itu mereka telah bertindak untuk menyertai parti politik dengan menyokong parti UMNO.

Kedudukan UMNO sebagai parti pemerintah mempunyai kemampuan dan keupayaan yang lebih untuk melaksanakan berbagai bentuk kegiatan yang secara tidak langsung telah mempengaruhi pandangan politik masyarakat. Sedangkan parti-parti lain seperti PAS hanya mampu untuk mengadakan ceramah-ceramah di surau dan amat sukar untuk mengukuhkan kedudukan partinya di sini. Tetapi ini tidaklah bermakna PAS gagal untuk mempengaruhi masyarakat tersebut kerana ia juga mendapat sokongan penghuni di sini walaupun dalam jumlah bilangan yang agak kecil.

D. PILIHANRAYA 1986

Kempen pilihanraya adalah salah satu cara untuk mendapat pengaruh daripada pengundi sebagaimana kawasan lain, di kawasan ini juga menjalankan kegiatan kempen pilihanraya sebelum dan semasa pilihanraya tersebut berlangsung pada 2 dan 3hb Ogos 1986 lalu. Kegiatan kempen ini berlaku secara langsung dan secara tidak langsung seperti melalui ucapan yang

tidak resmi dari tokoh-tokoh kerajaan sewaktu melakukan lawatan ke kampung ini. Kempen untuk memancing undi juga dilakukan secara individu selain daripada berkumpulan.

Cara berkempen yang paling berkesan sekali ialah melalui perang poster. Ianya adalah dalam bentuk yang paling mudah dan tidak membahayakan. Cara ini menelan belanja yang besar tetapi tidak menimbulkan sebarang ketegangan antara puak-puak yang menyokong parti yang bertentangan. Poster-poster itu dipasang di mana saja di tempat yang dibenarkan, seperti di pokok-pokok, tiang lampu, dinding-dinding dan tembok. Ada juga yang merentangkan kain sebagai banner untuk menggambarkan simbol parti masing-masing. Mengikut responden yang ditemui. Keadaan menjadi bertambah hebat apabila menjelang tibanya hari pembuangan undi, di mana poster-poster telah ditampal disekeliling jalanraya dan kemudiannya dicat pula lambang parti masing di atas jalan-jalan bertar.

Pembuangan Undi - Untuk mengkaji sikap percalunan penghuni terhadap pembuangan undi secara tepat adalah sukar. Ini kerana pusat pembuangan undi tidak dikhaskan kepada satu kampung atau satu masyarakat saja, bahkan ia meliputi kampung-kampung lain yang berdekatan. Walaupun begitu pembuangan undi pada 2 dan 3 Ogos 1986 lalu berjalan dengan lancar. Tidak ada berada apa-apa yang merumitkan dan bayangan parti yang akan menang sudah pun diramalkan. Ini kerana di kawasan tersebut hanya terdapat pos dari parti berkenaan saja iaitu Barisan Nasional (BN)

yang bertugas menolong memberi maklumat tentang pengundian yang dijalankan oleh golongan politik yang aktif. Oleh itu keadaan ini telah mempengaruhi ramai orang untuk menyokong BN.

Walaupun begitu kejayaan BN yang sebenarnya itu adalah disebabkan oleh penyokong-penyokong UMNO yang setia.

Daripada responden yang ditemui semuanya menyatakan sokongan terhadap UMNO walaupun penyertaan mereka itu pasif dalam kegiatan UMNO (30%) manakala golongan yang aktif pula adalah 70% (Rujuk Jadual 1).

BAB IV

KEPIMPINAN UMNO CAWANGAN KAMPUNG PASIR BARU

A. LATARBELAKANG PEMIMPIN UMNO CAWANGAN

1. UMUR PEMIMPIN UMNO CAWANGAN

Umur adalah penting untuk menentukan kebolehan seseorang itu dalam menjalankan suatu tindakan serta dapat dilihat pula kematangan seseorang di dalam membuat sesuatu perkara yang berfaedah ataupun tidak. Berdasarkan umur juga kita dapat melihat sejauhmanakah kemampuan seseorang pemimpin itu bertindak, berfikir dan menjalankan tugas untuk membawa suatu perubahan kepada masyarakat.

Jadual 1
Umur Pemimpin

Umur. (Tahun)	Bilangan	Peratus
30 - 35	4	26.7
36 - 40	4	26.7
41 - 45	2	13.3
46 - 50	2	13.3
51 - 55	3	20.0
56 ke atas	-	-
Jumlah	15	100

Daripada jadual 1, dapatlah dikatakan majoriti pemimpin UMNO diadalah berumur antara 30 - 40 tahun. Ianya meliputi seramai 8 orang (53.4%). Bagi bilangan berumur 30 - 35 tahun ianya seramai 4 orang (26.7%) dan Umur antara 36 - 40 tahun juga meliputi 26.7% (4 orang).

Lingkungan umur kedua ramai pula ialah peringkat umur 51 - 55 tahun di mana ianya meliputi seramai 3 orang (20.0%).

Manakala golongan umur yang paling kurang pula ialah golongan umur 41 - 45 tahun seramai 2 orang (13.3%) dan juga umur 46 - 50 tahun (13.3%). Ini kerana faktor umur di mana mereka telah mula mengundur diri apabila usia semakin tua dan memberi nafas baru kepada golongan muda untuk bergiat aktif dalam politik.

2. TARAF PENDIDIKAN

Latarbelakang pendidikan adalah penting demi untuk menentukan seseorang itu boleh membuat sesuatu tindakan, rancangan dan sebagainya dengan baik. Pencapaian akademik juga adalah penting untuk menjadi seorang ahli politik yang berkelibar.

Jadual 2
Taraf Pendidikan Pemimpin

Taraf Pendidikan	Bilangan	Peratus
Sekolah Rendah	3	20.0
Sekolah Menengah	10	66.6
Sekolah Agama	1	6.7
Maktab	1	6.7
Jumlah	15	100

Daripada jadual 2 di atas dapat dilihat bahawa pemimpin UMNO cawangan ini sebahagian besarnya adalah berkelulusan sekolah menengah. Seramai 10 orang (66.6%) daripada 15 orang pemimpin UMNO cawangan adalah berkelulusan sekolah menengah. Kebanyakannya (7 orang) yang berkelulusan sekolah menengah adalah berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/MCE). Manakala 3 orang lagi adalah berkelulusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP/LCE).

Seterusnya terdapat juga pemimpin yang berkelulusan sekolah rendah. Seramai 3 orang (20%) adalah berkelulusan sekolah rendah. Kemasukan 3 orang pemimpin tersebut adalah kelulusan darjah enam sahaja. Yang selebihnya ialah seorang berkelulusan sekolah agama dan seorang lagi berkelulusan maktab (masing-masing 6.7%).

Walaupun ada yang berkelulusan rendah tetapi segala kegiatan dan aktiviti UMNO berjalan lancar. Mereka inilah yang merancang dan menyusun sesuatu tindakan dengan teratur dan berkesan.

3. PEKERJAAN PEMIMPIN

Latarbelakang pekerjaan pemimpin UMNO cawangan ini terdiri daripada berbagai kategori. Mereka ini boleh dibahagikan kepada 3 kategori:

- (i) Bekerja sendiri
- (ii) Bekerja kerajaan
- (iii) Pekerja swasta

Jadual 3
Pekerjaan Pemimpin

Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Pekerja Am	3	20.0
Berniaga	4	26.6
Kerani	3	20.0
Pemandu	3	20.0
District Manager	1	6.6
Lintas Kanan	1	6.6
Jumlah	15	100

Berdasarkan jadual 3 didapati bahawa bekerja sendiri adalah paling ramai iaitu berniaga seramai 4 orang (26.6%). Mereka ini semuanya berniaga secara kecil-kecilan. Keadaan ini berlaku kerana minat yang sediaada pada mereka untuk berniaga dan disertai pula oleh jumlah modal yang juga sedia ada pada mereka adalah mencukupi untuk menjalankan aktiviti tersebut. Tambahan pula berniaga bagi mereka adalah tidak sukar dan pendapatan yang didapati walaupun secara kecilan adalah agak lumayan. Mengikut pendapat mereka lagi bahawa berniaga adalah digalakan oleh Islam di mana mengikut mereka 99% rezeki adalah dari bidang perniagaan. Keadaan ini semua menggalakkan mereka untuk berniaga secara kecil-kecilan terlebih dahulu dan kemudian mungkin secara besar-besaran kiranya perniagaan mereka itu semakin maju.

Sebenarnya bagi pemimpin parti yang bermiaga ini mereka mempunyai masa untuk melibatkan diri dalam parti politik. Masa kerja mereka adalah bebas. Jadi mereka dapat memperuntukkan masa dengan secukupnya untuk menjalankan kerja-kerja mereka dan juga untuk bergiat aktif dalam politik. Ini bermakna masa kerja tidaklah mengganggu mereka untuk melibatkan diri dalam politik. Berbanding dengan kerja lain terutamanya kerja pejabat di mana mereka telah ditetapkan masa tertentu antara bekerja dan kemudian diikuti pula kerja "lebih masa" atas ke hendak mereka sendiri untuk menambahkan pendapatan.

Seterusnya pekerjaan kerani, pekerja Am dan pemandu masing-masing terdiri daripada 3 orang (20%). Bagi profesion perkeranian ianya melibatkan syarikat swasta, pekerja am terdiri daripada pekerja kerajaan manakala pemandu pula 2 daripadanya adalah kakitangan kerajaan dan seorang lagi adalah dari syarikat swasta. Bagi pekerjaan "District Manager" adalah dari syarikat swasta iaitu Universal, Life and General Insurance Sendirian Berhad.

4. PENDAPATAN PEMIMPIN

Pendapatan adalah berkait rapat dengan pekerjaan. Ianya boleh melambangkan status dan kedudukan seseorang dalam sesebuah masyarakat.
Lihat Jadual 4.

Jadual 4
Pendapatan Pemimpin

Pendapatan (\$)	Bilangan	Peratus
300 - 400	-	-
401 - 500	7	46.7
501 - 600	7	46.7
601 - 700	-	-
701 ke atas	1	6.6
Jumlah	15	100

Dari jadual 4, pendapatan pemimpin yang berjumlah \$401 - 500, ia adalah terdiri seramai 7 orang. Ianya adalah tergolong dari pekerja Am (3 orang), Pemandu (3 orang). Kesemua ini melibatkan sebanyak 46.7% daripada jumlah keseluruhan.

Bagi pendapatan \$501 - 600 pula terdiri daripada pekerjaan kerani (3 orang) dan juga bermiaga (secara kecil-kecilan) seramai 4 orang. Mereka yang bermiaga secara kecil-kecilan ini membuka gerai-gerai kecil di kawasan berhampiran dengan tempat kediaman mereka.

Manakala seorang lagi mempunyai pendapatan yang lebih dari \$700. Ia bekerja sebagai District Manager di sebuah syarikat swasta iaitu General Life and General Insurance Sendirian Berhad.

Bila dibandingkan pendapatan pemimpin dengan responden yang telah ditemui didapati bahawa pendapatan pemimpin adalah lebih baik daripada responden itu. Dari jadual 8 bab 2 dan jadual 4 bab 4 didapati bahawa pendapatan pemimpin adalah \$400/= ke atas manakala 50 responden yang ditemui itu terdapat seramai 5 orang berpendapatan rendah daripada \$300/=. Peratus pendapatan pemimpin yang berpendapatan \$400 - 600/= pula adalah 93.4% manakala responden pula 60% sahaja. Keadaan ini menunjukkan taraf hidup pemimpin adalah lebih baik daripada responden tersebut. Bahkan di kalangan pemimpin, ada yang mempunyai talipon ~~pesendirian~~. Ini semua menunjukkan taraf hidup mereka adalah lebih baik.

Walaupun jumlah pendapatan pemimpin itu adalah lebih baik daripada responden tersebut, tetapi pemilihan pemimpin bukanlah berdasarkan faktor kewangan kerana ketua UMNO sendiri hanya bekerja sebagai kerani dan berpendapatan tidak lebih daripada \$600/= sebulan. Pemilihan pemimpin semata-mata berdasarkan kepimpinan dan kebolehan bekerja untuk masyarakat umum di kampong ini. Beliau dilantik melalui suara ramai.

B. PERJUANGAN PARTI UMNO

UMNO ditubuhkan untuk memperjuangkan hak-hak orang Melayu. Lantara itu cawangan UMNO telah ditubuhkan dimerata-rata tempat diseluruh negara. Dengan tertubuhnya cawangan ini, maka sedikit sebanyak masyarakat-

nya telah mendapat perlindungan dari segi tempat tinggal¹. Ini adalah salah satu dari yang diperjuangkan, untuk mewujudkan satu komuniti perkampungan Melayu di sekitar perbandaran Kuala Lumpur. Perjuangan UMNO juga adalah untuk membela nasib orang-orang Melayu oleh itu keahlian dalam parti UMNO ini mendapat sambutan rakyat Melayu.

ISU-ISU YANG DIKETENGAHKAN

UMNO cawangan Kampong Pasir Baru ini telah mengadakan mesyuarat Agongnya pada 31hb. Mac 1985 bagi sesi 1984/85. Mesyuarat ini telah diresmikan oleh YB Datok Abu Hassan bin Hj. Omar, Menteri Kebajikan Masyarakat pada masa itu. Mesyuarat itu berlangsung di Balairaya Kampong Pasir Baru.

Dalam mesyuarat ini banyak isu-isu yang telah diketengahkan untuk kepentingan semua penduduk kampong ini. Di antaranya ialah apa yang dimaklumkan oleh Ketua Cawangan pada masa itu iaitu Tuan Haji Abdul Manan bin Mohd. Noh terhadap YB Menteri tersebut bahawa pada tahun itu cukai tanah telah dinaikkan sehingga 4 kali ganda iaitu dari setengah sen sekaki persegi kepada 2 sen sekaki persegi bagi penghuni yang menetap ditanah lot. Oleh yang demikian penduduk kampong ini merayu agar

¹ Hang Tuah bin Arshad, "Ilmu Politik", Donald Moore Press Ltd, Singapore, 1966, Hal 6.

cukai tanah tersebut hendaklah dikaji semula. Ketua Cawangan juga telah memaklumkan bahawa tuan tanah tersebut adalah kebanyakannya dipunyai oleh pesara yang mendapat persaraan rendah, mereka kebanyakannya telah tua dan rumah-rumah mereka telah uzur kerana selalu dilanda banjir.

Berhubung dengan projek pembangunan di kampong ini, Ketua Cawangan selaku penaja memohon menteri berkenaan supaya memberi sokongan dan kerjasama terhadap projek tersebut demi kepentingan semua penduduk kampong tersebut khasnya dan di Wilayah Persekutuan amnya. Setakat ini telah 3 kali jawatankuasa penaja berunding dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menentukan perancangan, kemudahan asas, syarat-syarat lain dan sebagainya. Seterusnya Ketua Cawangan telah menerangkan projek tersebut kepada YB dan para hadirin semua iaitu lot-lot akan didirikan flat 5 tingkat, tingkat bawahnya kosong untuk tempat meletak kereta atau mengelakan dari banjir yang sentiasa melanda, maka empat tingkat lagi itu akan mendapat 16 unit.

Ketua Cawangan juga telah mengutarakan masalah pertambahan penduduk sedangkan kemudahan asas tidak bertambah ataupun dibaiki. Keadaan ini menjadi bertambah buruk.

Mengikutnya balairaya kini adalah terlalu uzur, oleh itu memandangkan balairaya tersebut sentiasa digunakan dengan berbagai aktiviti parti maka sudah sewajarnyalah ditukar dengan Dewan Serbaguna. Manakala jalanraya pula pihak pembentungan adalah tidak bertanggungjawab

merosakan jalan tersebut dengan meninggalkan timbunan batu dan besi yang bercorakan di longgokkan di tepi jalan dan bahu jalan selepas mereka mengoreknya untuk memasang paip. Sepatutnya ia hendaklah dibersih dan diperkemaskan terlebih dahulu.

Seterusnya masalah pintu air di mana penghuni di kampong ini amat terkilan kerana jika hujan turun di Hulu Sungai Kelang seperti di Gombak, maka kampong ini akan mengalami banjir. Ini semua adalah kerana pintu air yang terdapat dalam kampong ini telah rosak.

Begitu juga dengan masalah longkang terutamanya longkang tanah di mana airnya tidak mengalir dan semaknya tidak tertebas. Di sini Ketua Cawangan berharap pihak Dewan Bandaraya membena longkang batu.

Satu lagi masalah yang akan menimpa kampong ini apabila kawasan Latex dibangunkan. Kawasan kampong ini dijangka akan menjadi delta akibat dari air kegunaan sendiri atau air hujan biasanya akan menurun ke kampong ini kerana kampong ini jauh lebih rendah darinya. Oleh itu Ketua Cawangan berharap YB akan mengambil berat masalah ini demi untuk menyelamatkan kampong ini dari terancam.

Pihak jawatankuasa cawangan juga bercita-cita mengadakan Pejabat UMNOnya sendiri. Pejabat ini kelaknya akan berfungsi untuk masyarakat kampong ini juga. Oleh yang demikian pihak jawatankuasa hendaklah sentiasa menjalankan aktiviti mencari wang untuk membina bangunan tersebut.

Kepada ahli UMNO dan penduduk kampong ini, maka diseru meningkatkan ekonomi ke peringkat yang lebih tinggi. Oleh itu sekiranya ada kemauan tetapi menghadapi masalah model dan sebagainya sila hubungi jawatankuasa UMNO cawangan ini untuk menyelesaikan masalah tersebut.

PERJUANGAN UMNO CAWANGAN

Perjuangan kepimpinan UMNO Kampong Pasir Baru ini boleh dilihat dari minit mesyuarat tahunan. Dalam minit mesyuarat tahun 1984/1985 beberapa perkara telah ditimbulkan.

Di antaranya ialah mendesak pihak Dewan Bandaraya supaya membaiki jalanraya di kampong ini yang dikorek oleh Jabatan Air untuk menanam paip air.

Selepas persidangan yang lalu tindakan telah dilakukan di mana masalah ini kemudiannya telah diselenggarakan dengan baik.

UMNO Cawangan ini juga telah diminta mencari jalan penyelesaian bagaimana untuk mengurangkan cukai tanah yang telah dinaikkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan hingga 3 - 4 kali ganda.

Ekoran daripada usaha pemimpin UMNO ini pihak Pejabat Tanah dan Galian telah menghantar surat pada UMNO cawangan pada 27hb. November 1984 (bil. PTG/WP 17/247/84 Lampiran 2) untuk menurunkan cukai tanah itu sebanyak 2% dari cukai yang lalu.

Pihak UMNO cawangan juga telah memohon daripada pihak berkuasa agar disediakan sekurang-kurangnya sebuah bot untuk mereka gunakan semasa banjir. Bot ini amat diperlukan untuk menyelamatkan mangsa banjir terutamanya mereka yang telah tua dan uzur kerana banjir biasanya berlaku dengan mengejut.

Walau bagaimanapun usaha mereka untuk mendapatkan bot ini telah gagal kerana mengikut pihak berkuasa, mereka boleh meminta bantuan bot daripada Polis Petaling dan juga bot dari Tentera Udara Di Raja Malaysia (TUDM) yang berpangkalan di Kinrara, Jalan Puchong.

UMNO juga telah mencadangkan supaya satu pasukan Penyelamat Malapetaka (banjir dan kebakaran) ditubuhkan. Usaha ini juga gagal kerana kampong ini juga sudah mempunyai Pasukan Bomba Sukarela dan Rela yang boleh menjalankan tugas seperti yang dipinta itu.

Seterusnya UMNO cawangan mengemukakan cadangan untuk mendesak supaya Dewan Bandaraya menambahkan lagi paip air yang dipasang ke kawasan setinggan. Usaha ini juga gagal kerana pada tahun sebelumnya (1983) satu paip air telah dipasang ke kawasan setinggan. Adalah memadai dengan paip air tersebut dan memperbaiki mana-mana paip air yang telah tersumbat.

Dalam mesyuarat pada 1hb. Mac 1987 UMNO cawangan ini telah mengemukakan usul-usul tahun lalu (1986) iaitu mendesak Kementerian

Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya supaya membina jejantas di batu
* Jalan Kelang Lama bagi membolehkan pengguna jalan kaki terutamanya
kanak-kanak sekolah selamat menyeberang. Dengan itu iaanya dapat men-
gelakkan dari berlakunya kemalangan.

Jejantas tersebut tidak diditikan, tetapi satu lampu isyarat
telah diadakan bagi pengguna jalan kaki di pintu masuk sekolah Saraswati
pada tahun 1987.

Akhir sekali mendesak pihak Dewan Bandaraya supaya menyediakan
tempat pembuangan sampah. Pihak Dewan Bandaraya kemudiannya telah men-
yediakan tempat pembuangan sampah yang berhampiran di kawasan benteng.

Isu-isu yang telah diketengahkan berhubung dengan projek mem-
bina flat 5 tingkat dan menubuhkan pejabat UMNO sendiri telah terbeng-
kalai. Ini kerana sumber kewangan yang diperlukan adalah tidak men-
cukupi untuk melaksanakan projek tersebut.

Berkenaan dengan masalah kemudahan asas yang tidak mencukupi
untuk menampung keperluan pertambahan penduduk itu, kerajaan telah mem-
perbaikinya. Jalanraya dibaiki, longkang dibersihkan, paip air juga
dibaiki, kemudahan elektrik juga disalurkan pada setiap rumah penghuni.
Manakala pintu air yang dikatakan rosak juga telah diperbaiki untuk
mengelakan daripada berlakunya banjir. Balairaya yang uzur itu juga

telah diperbaiki. Begitu juga dengan kawasan Latex tidak lagi dibangunkan kerana ianya mengancam keselamatan penghuni kampong ini.

Kejayaan-kejayaan yang diperolehi daripada tuntutan isu-isu yang diketengahkan itu telah menyebabkan rakyat lebih suka menyokong daripada menentang kerajaan. Segala kehendak dan masalah penghuni dapat diselesaikan dengan baik. Keadaan ini telah menyebabkan kedudukan UMNO bertambah kukuh dan kuat di kawasan ini.

Walaupun begitu penghuni juga agak terkilan kerana projek membangun flat 5 tingkat dan menubuhkan pejabat UMNO itu terbengkalai. Tetapi mereka masih tetap menyokong UMNO kerana tuntutan yang dimajukan lebih banyak berjaya dari yang gagal. Mereka tidak membantah terhadap sebarang kegagalan tuntutan mereka.

C. AKTIVITI UMNO CAWANGAN

Dari kajian yang telah dibuat dan juga dokumen dari UMNO cawangan ini seperti Penyata Tahunan UMNO cawangan banyak aktiviti yang berkaitan dengan ekonomi, politik dan sosial telah dijalankan di kampong ini. Ini adalah inisiatif pemimpin-pemimpin yang mempunyai perancangan untuk memajukan taraf penduduk kampong tersebut. Usaha-usaha dan kegiatan UMNO sepanjang tahun-tahun yang telah lepas dapat dilihat dari beberapa buah Biro yang telah memainkan peranan penting untuk menggerakan jentera UMNO seluruhnya seperti Biro Politik, Biro

Ekonomi, Biro Buruh, Biro Kebajikan, Biro Kesenian dan Kebudayaan, Biro Kemudahan Asas, Biro Pembangunan, Biro Agama, Biro Pelajaran dan Biro Am. Selain daripada itu terdapat juga aktiviti am seperti kelas KEMAS dan kerja-kerja Amal.

1. BIRO POLITIK

Sebagai sebuah parti politik maka sewajarnyalah biro ini berfungsi dan menjalankan kegiatannya sesuai dengan kemahuan, cita-cita dan matlamat pertubuhan UMNO yang menjadikan negara Malaysia ini sebagai sebuah negara demokrasi yang sebenar-benarnya. Melalui biro ini satu Kursus Kesedaran atau kursus Sivik telah dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan pada 11hb. November 1984 bertempat di sekolah Agama Kampong Pasir Baru. Kursus ini telah dirasmikan oleh Profesor Madya Dr. Abdul Hamid iaitu Pengarah Pusat Islam Jabatan Perdana Menteri.

Biro Politik juga telah mengadakan lawatan ke Persidangan Parlimen dibangunan Parlimen pada 25hb. Oktober 1984. Di sini ahli-ahli UMNO cawangan ini telah berpeluang untuk melihat bagaimana persidangan parlimen berlangsung kerana mereka tiba pada waktu Parlimen sedang bersidang.

2. BIRO EKONOMI

Melalui biro ini, usaha-usaha untuk menggalakan ahli UMNO dan penghuni kampong ini untuk melabur ke dalam Amanah Saham Nasional telah diadakan. Biro ini juga telah memberikan penerangan yang jelas berkenaan dengan Koperasi Usaha Bersatu dan menggalakan mereka untuk turut serta menyertai koperasi tersebut.

Mulai pada 21hb. Januari 1985, biro ini telah memulakan Pasar Rabunya. Tujuan utama diadakan pasar ini ialah untuk memberi peluang kepada penduduk kampong ini berniaga bagi menambahkan pendapatan mereka sendiri.

3. BIRO BURUH

Biro ini bersama-sama dengan biro lain telah mengadakan kursus Sivik di mana seorang penceramah daripada Kementerian Buruh telah diundang khas untuk memberi ceramah dalam bidang keburuhan.

Biro ini juga telah mengadakan 4 buah gerai yang diberikan kepada 4 orang yang terpilih oleh mereka. Mereka itu ialah:

1. Encik Mohd. Nor bin Ab. Manaf
2. Puan Mariam Ismail
3. Encik Osman bin Ahmad
4. Encik Khairil Anwar

Pemilihan adalah berdasarkan kepada kebolehan, kerajinan dan kesanggupan untuk bekerja.

Biro ini juga akan menaikan poster-poster di kedai-kedai dalam kampong tersebut bila ada jawatan kosong dalam sebarang iklan yang dikeluarkan samada melalui akhbar, radio dan sebagainya.

4. BIRO KEBAJIKAN

Biro ini menjalankan aktiviti memungut derma untuk dijadikan sebagai tabung kepada mereka yang ditimpa bencana seperti bencana kebakaran. Selain daripada derma dalam bentuk kewangan, mereka juga menderma dalam bentuk pakaian. Biro ini juga telah memberi pertolongan dalam bentuk kewangan dan pakaian kepada penghuni kampong Bakti yang mengalami bencana kebakaran.

Biro ini juga telah menyeru kepada semua penghuni kampong tersebut supaya memberi bantuan dan pertolongan kepada mereka yang mengalami bencana alam.

Biro ini juga menjalankan aktiviti bergotong-royong membersihkan kawasan perkampungan dan tanah perkuburan pada hari minggu dan kelepasan am. Kerja-kerja membersih dan membaiki jalanraya juga diadakan.

5. BIRO KESENIAN DAN KEBUDAYAAN

Biro ini telah mengadakan usaha untuk menghidupkan semua kesenian Tradisional yang tidak bertentangan dengan hukum-hukum Islam. Pancak Silat telah dihidupkan demi untuk mempertahankan diri dan juga sebagai salah satu dari kesenian dan kebudayaan orang Melayu. Biro ini juga menjalankan usaha untuk menganalisa jenis kesenian dan kebudayaan yang tidak bertentangan dengan Islam dan sebagai langkah yang tidak bertentangan dengan hasrat kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam.

Biro ini juga telah berpadu tenaga dengan Biro Agama bagi mengadakan ihtifal (rujuk kepada biro agama). Usaha untuk mencampurkan kesenian dan unsur nilai Islam juga telah diadakan dan dengan itu usaha menerapkan nilai-nilai Islam dapat diujudkan.

6. BIRO KEMUDAHAN ASAS

Biro ini telah mendapat peruntukan kewangan dari Kementerian Wilayah Persekutuan sebanyak \$9560/=. Daripada jumlah kewangan tersebut, balairaya kampong ini telah dibaiki semarang kerosakan terhadap bangunan tersebut. Balairaya ini juga telah diperluaskan.

Jalan, longkang, kebersihan dan pemotongan rumput telah diselenggarakan oleh Dewan Bandaraya melalui usaha-usaha yang dilakukan

oleh biro ini. Begitu juga dengan sungai dan benteng telah dikorek, ditinggikan serta diperbesarkan. Manakala paip air dan letrik juga telah disalurkan ke kampong ini.

Biro ini juga telah mengadakan usaha sama untuk bergotong royong menimbus lubang benteng yang rosak bagi mengelakan dari di landa banjir pada 25hb. Disember 1985.

Perbincangan dengan pihak berwajib juga diadakan oleh biro ini supaya menambahkan talian telefon. Usaha itu telah berjaya dan dewasa ini banyak rumah penghuni telah mendapat kemudahan telefon. Di samping itu beberapa buah telefon awam juga telah dibina di kampong ini.

Biro ini juga telah mengadakan perjumpaan dengan Dewan Bandaraya pada 16hb. Februari 1986 untuk membangkitkan masalah berkenaan dengan kemudahan asas seperti padang bola, padang permainan kanak-kanak, Dewan Orangramai dan lain-lain lagi.

Pada 17hb. Februari 1986 masalah kawasan setinggan ini telah diperbincangkan oleh Ketua Cawangan seperti masalah bekalan letrik, air paip, lampu jalan dan longkang.

7. BIRO PEMBANGUNAN

Biro ini telah mula berusaha untuk membangunkan seluruh penduduk kampong ini sejak beberapa tahun yang lalu. Ianya meliputi kawasan tanah lot dan kawasan setinggan. Terdapat pembahagian kawasan-tanah lot sebanyak 16 unit.

Dalam usaha untuk memajukan kawasan setinggan, biro ini telah mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah Keretapi Tanah Melayu iaitu Datok Ahmad Badri bin Mohamad Basri untuk mengenal pasti kawasan ke-punyaan Keretapi Tanah Melayu.

Kemudiannya satu perjumpaan telah diadakan serta menyerahkan suatu memorendan kepada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan untuk memohon pengurangan cukai tanah dan menentukan tanah lot di kampong ini sebagai tanah simpanan Melayu. Hasilnya cukai tanah telah diturunkan kepada 25% dari cukai yang sebenarnya dan juga mengenai Tanah Simpanan Melayu telahpun diluluskan.

8. BIRO AGAMA

Bagi sesi 1984/85 biro ini telah memulakan aktivitinya dengan mengadakan perjumpaan Hari Raya dan meraikan bakal-bakal haji pada 28hb. Julai 1984 bertempat di Balairaya Kampong Pasir Baru Seramai 8 orang bakal haji dari kampong ini telah diberi saguhati.

Pada 14hb. Oktober 1984 kursus menyempurnakan jenazah bagi peserta lelaki telah diadakan di sekolah Agama kampong ini. Seramai 34 orang telah turut serta mengambil bahagian. Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Haroman bin Yaacob iaitu Bilal dari Masjid Negara. Manakala kursus bagi peserta wanita pula telah diadakan pada 21hb. Oktober 1984. Seramai 18 orang telah mengambil bahagian. Kursus tersebut telah disampaikan oleh Puan Hajjah Chik Sariah bt. Mahmud dan Puan Hajjah Fatimah bt. Ismail dari Lembaga Kebajikan Islam Petaling Jaya. Kursus ini hanya terhad kepada penghuni kampong ini sahaja.

Pada 22hb. Oktober 1984, biro ini telah mengundang pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk memberi ceramah dan penerangan berhubung dengan ibadah dan peranan tabung haji. Pada hari tersebut juga pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah membuka kaunter bagi penduduk kampong ini yang ingin membuat simpanan di tabung Haji.

Pada pertengahan bulan Februari 1985, biro ini juga telah menyempurnakan tanggungjawab memberi bimbingan dalam bahagian Fardhu Ain. Kelas tersebut diadakan pada tiap-tiap hari Ahad jam 9.00 hingga 10.00 pagi bertempat di Sekolah Agama kampong ini. Kelas tersebut telah dibimbing oleh Tuan Haji Salleh Hassan Farid.

Biro Agama telah memainkan peranan penting dalam usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam khususnya di kalangan ahli dan penduduk setempat amnya. Dalam usahanya ini satu majlis ihtifal telah diadakan. Majlis ihtifal ini telah menyediakan 15 jenis pertandingan iaitu membaca al Quran, membaca ayat-ayat lazim, tertib sembahyang, kuiz agama berzANJI, marhaban, nasjid dan juga syarahan agama. Majlis ini telah diresmikan oleh Ketua UMNO Bahagian Lembah Pantai, YB Senator Abdul Razak bin Abu Samah pada 8hb. Disember 1985. Majlis ihtifal ini juga diadakan buat kali keduanya pada 14hb. Disember 1986 yang berlangsung di sekolah Agama Kampung Pasir Baru.

Majlis upacara berkhatan juga diadakan secara beramai-ramai di mana 39 orang kanak-kanak telah dikhatakan pada 23hb. Disember 1986.

9. BIRO PELAJARAN

Oleh kerana kesedaran betapa pentingnya ilmu pengetahuan maka ahli jawatankuasa Biro Pelajaran UMNO cawangan ini telah mengadakan kelas tambahan untuk pelajar tingkatan 3. Kelas ini dimulakan pada tahun 1983 yang diketuai oleh Encik Sallehudin bin Mohamad. Ceramah-ceramah untuk peperiksaan SPM dan STPM telah diadakan pada 28hb. Oktober 1984. Ceramah ini disampaikan oleh Dr. Tajul Ariff bin Hj. Nordin dan Encik Zainudin bin Leman. Pada 3hb. Februari 1985 biro ini telah mengadakan ceramah kerjaya. Ianya disampaikan oleh

Dr. Tajul Ariff. Lawatan ke Universiti Kebangsaan Malaysia juga diadakan pada bulan April 1985.

Pada bulan Ogos 1985, satu ceramah khas iaitu "Cara-cara Menjawab Soalan Objektif" untuk pelajar yang akan mengambil peperiksaan SRP telah diadakan oleh biro ini. Ceramah itu telah disampaikan oleh pegawai Bahagian Komputer dari Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran, sambutan adalah menggalakkan.

10. BIRO SUKAN

Biro sukan cawangan ini telah menjalankan aktiviti yang agak cemerlang sekali. Kegiatan sukan giat dijalankan, biro ini telah berjaya membuat sumbangan amal untuk artis yang terlantar pada masa itu iaitu A.K. Jailani sebanyak \$450/=. Perlawanan bola seperti antara pasukan Veteran UMNO cawangan ini dengan artis-artis Malaysia juga telah diadakan.

Pada 19hb. Mei 1984 hingga 1hb. September 1984 pasukan bolasepak UMNO cawangan telah menyertai pertandingan bolasepak secara liga untuk merebut piala Yang Berhormat Encik Mazlan Harun.

Biro ini juga telah berpadu tenaga untuk menjayakan Temasya Sukan pada Hari Kebangsaan 1984 yang telah diadakan pada 2hb. September 1984. Sukan Rakyat dan Pertandingan Bolasepak adalah di antara acara-

acara yang telah dijalankan pada hari tersebut.

Biro sukan juga telah berjaya menganjurkan kejohanan bola-sepak di bawah umur 18 tahun. Biro ini telah dapat menubuhkan empat pasukan bola sepak.

- (i) Pasukan di bawah umur 14 tahun
- (ii) Pasukan di bawah umur 16 tahun
- (iii) Pasukan di bawah umur 18 tahun
- (iv) Pasukan umur 20 tahun ke atas

Pada 1hb. Januari 1985, pasukan takraw terbaik telah berjaya dipilih untuk mewakili kampong ini dalam setiap perlawanan takraw.

Biro ini juga telah bekerjasama dengan pergerakan Pemuda untuk menganjurkan kegiatan sukan bersama seperti menghantarkan peserta menyertai acara tarik tali dalam sukaneka Anjuran Dewan Bandaraya pada 31hb. Ogos 1986. Pasukan ini telah menjadi juara dalam sukaneka tersebut.

Bagi acara ping pong dan bola jaring pasukan cawangan ini telah mendapat tempat ketiga dalam sukan Anjuran Pergerakan Pemuda UMNO bahagian.

11. AKTIVITI AM

UMNO cawangan ini juga telah menubuhkan satu pasukan kawalan kampong yang menjaga keselamatan pada waktu malam. Ini kerana keadaan keselamatan kampong adalah kurang memuaskan dan juga wujud penyalahgunaan dadah. Usaha penubuhan pasukan ini telah dipelopori oleh Encik Mohd. Zin Salleh.

Pasukan sukarela Bomba juga telah ditubuhkan pada tahun 1983. Pada 27hb. Oktober 1985 suatu pertandingan menggunakan alat pemadam api telah diadakan. Sebanyak 46 pasukan diseluruh Wilayah Persekutuan telah mengambil bahagian. Pasukan kampong ini telah mendapat tempat ketiga. Mereka yang mengambil bahagian adalah seperti berikut:

- (i) Encik Mohd. Zin Salleh
- (ii) Encik Ramli Khamis
- (iii) Encik Ismail Isnin
- (iv) Encik Roslan Hj. Nasir
- (v) Encik Mohd. Rafie Yusof

Pasukan RELA cawangan kampong ini juga telah ditubuhkan pada awal 1980. Pasukan ini bekerjasama dan berganding bahu dengan pasukan kawalan kampong untuk menjaga keselamatan kampong. Penubuhan pasukan ini adalah akibat daripada kesedaran penghuni kampong tersebut untuk menjaga keselamatan kampong daripada sebarang ancaman, sambutan ke-

ahlian adalah menggalakkan. Pasukan RELA ini telah berusaha mendapatkan kelengkapan RELA seperti uniform lengkap. Kesemua ahlinya dianggarkan seramai 100 orang.

Mereka ini menjalankan latihan kawad pada setiap malam minggu dari hari Ahad. Pada malam minggu anggota RELAWAN juga mengadakan rondaan. Platon RELA ini adalah yang terbesar di Bahagian Brickfield. Encik Mohd. Zin Salleh adalah bertindak sebagai Planton Komander RELA kampong ini.

BAB V

PENUTUP

Kedudukan setinggan pada dasarnya tidak ubah seperti "di-langgah pahit, dibuang sayang." Ini memberi pengertian bahawa kehidupan mereka di dalam keadaan terapung dan mereka boleh pada suatu masa yang tidak diketahui di halau keluar dari kawasan yang mereka duduki itu.¹ Namun begitu golongan ini adalah penting kerana ia turut memberi kuasa dan tenaga kerja.

Penyertaan mereka dalam parti UMNO ini telah mendekatkan mereka dengan pemimpin-pemimpin UMNO tempatan diperingkat cawangan. Pemimpin UMNO ini telah cuba memperjuangkan kepentingan setinggan dan juga bukan setinggan di kampong ini demi untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Pemimpin UMNO melalui biro-biro kecil yang telah ditubuhkan itu cuba mendapatkan kemudahan asas seperti air, letrik, jalanraya disamping hak milik tanah. Walaupun begitu UMNO kampong ini juga telah gagal dalam usahanya untuk mendapatkan kebenaran atau pengiktirafan penghuni setinggan sebagai suatu penempatan yang sah. Keadaan ini berlarutan sehingga masa kini. Namun begitu kegagalan UMNO itu tidak mematahkan semangat penghuni untuk terus menyokong UMNO. Mereka tetap menyokong UMNO kerana UMNOlah yang telah memperjuangkan nasib mereka

¹ Berita Harian, 25hb. Mei 1980.

dan juga UMNO adalah parti kanan kerajaan. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa UMNO di kampong ini telah dapat memenuhi kehendak dan keperluan asas penghuni.

Kedudukan setinggan adalah lebih selamat dengan adanya UMNO dibelakang mereka walaupun perjuangan untuk mendapatkan hak milik yang sah gagal. Keadaan seperti inilah yang telah menyebabkan penghuni memberi sokongan yang penuh kepada UMNO walaupun ada di antara tuntutan-tuntutan mereka tidak dilayan ataupun gagal.

Walaupun begitu oleh kerana sebahagian penduduk kampong ini adalah terdiri daripada setinggan, adalah menjadi harapan majoriti Penduduk agar pehak kerajaan mengiktirafkan kawasan setinggan ini sebagai kawasan yang sah untuk mereka mendiaminya. Selain daripada itu mereka juga berharap supaya pehak kerajaan membaiki dan menambahkan lagi sebarang kemudahan asas yang telah sedia ada di sini. Mereka juga berharap kalaularah terpaksa pindah nanti, kerajaan sekurang-kurangnya hendaklah menempatkan mereka disatu perkampungan baru yang sah dan berhampiran dengan Kuala Lumpur atau Petaling Jaya supaya mereka tidak mengalami sebarang masalah untuk ke tempat kerja dan menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Contohnya masalah perbelanjaan wang yang lebih kerana tempat kerja yang jauh ataupun tempat sekolah anak-anak mereka adalah jauh.

Lagipun mereka telah menyatakan hasrat mereka untuk terus tinggal menetap di situ. Penghuni di sini tidak lagi mahu seperti apa yang berlaku di Kampong Bumi Hijau di mana penghuni setinggan di situ telah dihalau keluar dari kawasan penempatan mereka. Kejadian ini sememangnya akan berlaku seandainya kekuatan UMNO adalah lemah dan tidak kuat kedudukannya. Apabila UMNO jadi lemah sudah tentu keselamatan penempatan penghuni akan terancam.

Sememangnya terdapat perbezaan dan persamaannya antara politik setinggan dengan politik kampong di kawasan luarbandar.

Biasanya motif utama perjuangan politik masyarakat setinggan adalah semata-mata untuk kepentingan komuniti mereka sendiri. Mereka berjuang dan bergiat aktif dalam parti-parti komponen kerajaan demi untuk mendapatkan perhatian dan perubahan daripada kerajaan terhadap kedudukan mereka di kawasan setinggan. Mereka sedar bahawa kedudukan mereka adalah tidak selamat dan amat terancam seandainya mereka tidak menyokong parti-parti kerajaan. Mereka boleh dihalau pada bila-bila masa sahaja kerana mereka menetap di kawasan yang tidak sah dari segi undang-undang. Lantaran itu untuk mengelakkan daripada diusir daripada tanah tersebut mereka sudah semestinya menubuh parti-parti politik (komponen Barisan Nasional) di kawasan yang mereka diami. Kalau kawasan penghuni majoriti Melayu maka akan tertubuhlah UMNO, di kawasan Cina dan India pula adalah seperti MIC, MCA dan Gerakan.

Kesemua komponen parti politik ini membela kaum masing-masing. Dengan adanya parti-parti politik seperti ini di kawasan setinggan sudah tentu kedudukan mereka adalah selamat daripada dihalau dari kawasan yang mereka diami itu. Mereka ini akan memberi sokongan penuh kepada parti tersebut. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa rata-rata masyarakat setinggan menyokong parti komponen kerajaan adalah bermotif tujuan tersebut sebagai tujuan utama.

Semua perkara seperti di atas tidak berlaku dalam politik kampong di kawasan luar bandar. Mereka menyokong sesbuah partibukanlah berdasarkan faktor penempatan mereka kerana mereka rata-rata mendiami kawasan penempatan yang sah, yakni di kawasan tanah sendiri. Oleh itu mereka tidak mementingkan faktor tersebut kerana samada mereka menyokong atau tidak parti kerajaan, mereka tidak akan dihalau dari kawasan petempatan mereka. Mereka lebih mengutamakan perjuangan parti yang mereka sokong itu. Bagi mereka, mereka tetap menyokong parti tersebut seandainya perjuangan parti itu tidak menyeleweng daripada perjuangan asal dan juga tidak bertentangan dengan prinsip hidup mereka.

Walaupun masyarakat setinggan itu lebih mementingkan faktor keselamatan kawasan petempatan mereka, mereka juga menyokong parti-parti komponen kerajaan atas dasar kesedaran berpolitik mereka sendiri. Mereka juga (bagi kawasan orang Melayu) menyokong UMNO atas dasar perkauman yakni mereka mahu melihat bahawa kerajaan Malaysia akan di-

perintah oleh orang Melayu untuk selama-lamanya. Tambahan pula kerajaan kini sedang berusaha untuk menerapkan nilai-nilai keislaman dalam pentadbiran kerajaan dan juga untuk seluruh masyarakat di Malaysia. Semua faktor ini juga mendorong masyarakat setinggan dan masyarakat kampong di luarbandar memberi sokongan penuh pada UMNO untuk memerintah.

Ada juga yang menyokong UMNO atas dasar kerajaan Barisan Nasional dapat memberi kemudahan asas kepada rakyatnya. Keadaan ini terbukti kerana kebanyakan di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh UMNO dalam pilihanraya umum telah menampakkan bahawa mereka ini diberi perhatian yang lebih oleh kerajaan berbanding dengan lain-lain kawasan yang dimenangi oleh parti pembangkang. Keadaan seperti ini rata-rata berlaku samada di kawasan setinggan ataupun bukan setinggan terutamanya di kawasan luarbandar.

RUJUKAN

1. Beattie, John, Other Cultures, Routledge and Kegan Paul Ltd, Broadway House, Carter Lane 1967.
2. C.I. Bernard, Organization and Management Cambridge, Mass, Harard Universiti Press 1948.
3. David Koech and Richard S. Crutchfield, Individual Ia Society, Kogakusha, Mc Graw Hill 1962.
4. Fairchild, Henry Pratt; (edt), Dictionary of Sociology, New Jersey, Little Field Adams and Company 1970.
5. Gibb, C.A., A.S. Tannenbaum and Geligmen L.G., Leadership Psycho-logical, Sociology and Political Aspects, dalam "International Encyclopedia of Social Sciences," Vol 9, New York Mc Millan 1972.
6. Hang Tuah bin Arshad, Ilmu Politik, Donald Moore Press Ltd, Singapore 1966.
7. Herbert Mc Closky, Political Participation dalam International Encyclopedia of Social Sciences, Cromwell, Collin and Mc Millan Inc. 1968.
8. Jacobson and Lipmen, Political Sciences, New York, Barnes and Noble, Inc. 1955.
9. Kurt Wehbring, Squatter in the Federal Territory, Analysis and Programs Recommendation, Kuala Lumpur 1976.
10. Kurt Lang, Leadership dalam Julius Gould and William L. Kolb (ed), A Dictionary of The Social Science, New York, The Free Press 1969.
11. Lawrence Siaw, Squatting in Peninsula Malaya An Analysis of Its Trend and Impact, MCA, Research Bureau, Kuala Lumpur 1976.
12. Mirriam Budiardjo, Pokok-pokok Ilmu Politik, Jakarta, Dian Rakjat 1972.
13. Michael Rush and Philip Althoib, An Introduction to Political Sociology, Bristol Nelson's University 1971.

14. Max Weber, Politics is a Vocation dalam Allesandro Pizzorno (ed), Political Sociology, Middlesex, Penguin Book Ltd 1970.
15. Peter Pirie, Squatter Settlement In Kuala Lumpur, PEM, Penang August 1976.
16. Robert L. Card, Political Sciences, An Introduction, Appleton Century, Crofts, New York 1974.
17. Shcmidt, Richard, Leadership dalam Encyclopedia of Social Science, Vol 9, New York, Mc Millan 1933.
18. Samuel P. Huntington, John Nelson, Political Participation in Developing Countries, Harvard University Press, Cambridge 1976.

Latihan Ilmiah

1. Asfari Furi, Penyertaan Politik Masyarakat Setinggan di Kampong Pandan, Kuala Lumpur Universiti Malaya 1975/76.
2. Ahmad Hj. Othman, Setinggan Kampong Melayu Majidee, Johor Bharu, Satu Tinjauan dari Sudut Mikro Demografi, Universiti Malaya September 1977.
3. Azizah Osman: The Squatter Problems in Kuala Lumpur With Specific Reference To Datuk Keramat, Satu Dissertasi Untuk Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya 1970/71.
4. Basri bin Bajuri, Pola Kepimpinan Dalam UMNO di Kuala Langat, Selangor, University Malaya 1973/74.
5. Hamdan Hj. Noridn, Kepimpinan Dalam Masyarakat Melayu Yang Berpendapatan Rendah di Pantai Halt, Wilayah Persekutuan, Universiti Malaya 1977/78.
6. Lailawati Bt. Judin, Masalah Setinggan di Kampong Pandan, Kuala Lumpur, Universiti Malaya September 1976.

7. Mohd. Salleh bin Lamry, Hubungan Penyertaan Politik, Kepimpinan Dan Peranan Organisasi Politik Tempatan: Satu Kajian Kes Terhadap UMNO Cawangan Setiawan Perak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor 1974/75.
8. Mohd. Kamal Hariri, Satu Kajian Mengenai Setinggan Dengan Rujukan Khas kepada Kampong Haji Abdullah Hukum Bersatu, Universiti Malaya 1976.
9. Rosmah bt. Datok Hj. Abu Bakar, Dilema Setinggan Pulau Pinang (Jelutong Timur), Universiti Malaya Oktober 1983.

Majalah dan Akhbar

1. Majalah Administrasi Negara (Jakarta: Administrasi Negara 1968) Nomor Perkenalan.
2. Majalah ERA 4hb. Mei 1985.
3. Berita Harian 25hb Mei 1980.

Lain-lain

1. Penyata Tahunan UMNO Cawangan Kampung Pasir Baru 1984/85.
2. Penyata Tahunan UMNO Cawangan Kampung Pasir Baru 1985/86.
3. Penyata Tahunan UMNO Cawangan Kampong Pasir Baru 1986/87.